Penyerahan Projek Disempurnakan Oleh YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan B. Md Taha, Ketua Pengarah Kerja Raya Kepada YBhg. Dato' Sri Subromaniam Tholasy, Ketua Kastam Malaysia Selaku Wakil Pengguna (End-User) Bangunan Pejabat Kastam Kota Kinabalu

Condenser Unit Bagi Sistem Penyaman Udara Jenis Air Cooled Split Ducted Di Dewan Serbaguna



Sistem Pencegah Kebakaran



Pam Wet Riser Dan Hose Reel
Yang Terletak Di Dalam
Bangunan Mekanikal

Sistem Lif



Lift Motor Dan Panel Kawalan Yang
Terletak Di Dalam Bilik Motor

PEMBINAAN MAHKAMAH BAHARU TAPAH, PERAK



Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Dalam
Tempoh Kontrak : 24 Bulan
Tarikh Siap Sebenar (CPC) : 11 Mei 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan : 27 Julai 2018

Kontraktor Utama : Koperasi Peserta-Peserta Rancangan
FELCRA Seberang Perak Berhad
Kontraktor NSC : Fireaire Corporation Sdn. Bhd.
(Sistem Pencegah Kebakaran)

Kos Kontrak Semasa : RM 13,599,042.24
Kos Sistem Mekanikal : RM 1,160,000.00

Skop Projek :

Projek ini diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) yang melibatkan kerja-kerja pembinaan sebuah bangunan baharu dengan dua (2) bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Sesyen dan satu (1) Mahkamah Majistret.

Pencapaian :

(i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), Lukisan Siap Bina (*As-Built Drawing*), Penyata Akaun Muktamad (SoFA) dan (Sijil Menduduki secara 4 in 1).

(ii) Faedah/kepentingan projek kepada Rakyat :

Projek ini adalah bertujuan memberi keselesaan kepada rakyat tempatan bagi urusan perundangan dan kehakiman yang berkualiti dan selamat. Bangunan ini menjadi satu mercu tanda baru dan tarikan di Tapah. Ianya juga dapat melancarkan operasi serta pengurusan mahkamah dengan sempurna.

(iii) Kelebihan Projek

Projek diserahkan lebih awal kepada pelanggan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) pada 27 Julai 2018 berbanding tarikh serah asal pada 30 Ogos 2018.



Majlis Penyerahan Dihadiri Oleh Ketua Pengarah BHEUU, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia Dan Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am 1

Sistem Penyaman Udara



Peralatan Sistem Penyaman Udara

Sistem Pencegah Kebakaran



Peralatan Sistem Pencegah Kebakaran

4.2.2 Bahagian Rekabentuk Bangunan Am 2

Jadual di bawah menunjukkan bilangan projek dilaksanakan oleh Bahagian Rekabentuk Bangunan Am 2:

PERKARA	KAEDAH PELAKSANAAN & KOS MEKANIKAL						JUMLAH	
	DALAMAN		REKA & BINA		PERUNDING			
	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)
PROJEK	62	1 Bilion	7	360.1 Juta	14	338.2 Juta	83	1.7 Bilion
SISTEM	213	112.8 Juta	41	35.8 Juta	58	30.3 Juta	312	178.9 Juta

CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN PEMBANGUNAN SEMULA SEBAHAGIAN GIATMARA KUALA LUMPUR



Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Dalam
Tempoh Kontrak : 22 bulan
Tarikh Siap Sebenar (CPC) : 14 Jun 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan : 2 Julai 2018
Kontraktor Utama : Izinria Sdn. Bhd.
Kontraktor NSC :
Niq Amallyn Enterprise
(Sistem Penyeaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal)

Desa Rantau Industries
(Sistem Pencegah Kebakaran)

Kos Kontrak Semasa : RM 4,512,167.32
Kos Sistem Mekanikal : RM 281,810.00
Skop Projek :
Projek ini melibatkan pembinaan satu (1) blok bangunan
tiga (3) tingkat yang menempatkan pejabat pentadbiran,
bilik kuliah, makmal, bengkel, bilik tenaga pengajar dan
lain-lain.

Pencapaian
(i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

(ii) Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:
Projek ini telah meningkatkan kemudahan fasiliti sedia
ada yang lebih selesa kepada pelatih dan pengurusan
Giatmara Kuala Lumpur dalam urusan kerja harian.

(iii) Kelebihan projek:

Projek ini adalah unik kerana sebahagian daripada
ruang dalam bangunan ini direka bentuk dengan
konsep tanpa menggunakan siling selaras dengan
seruan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) terhadap
reka bentuk tanpa siling.

Sistem penyeaman udara dalam ruang tersebut
telah direka dengan menggunakan *split unit ceiling
cassette* yang dilengkapi sesalur udara segar untuk
menambah nilai kualiti udara di dalam bilik.



Majlis Penyerahan Dihadiri Oleh Ketua Pengarah BHEUU, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
Malaysia Dan Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am 1

Sistem Penyaman Udara



Pemasangan Sistem Penyaman Udara Jenis Ceiling Cassette Dengan Konsep Tanpa Siling Di Bilik Kuliah



Sistem Bekalan Air Dalaman



Sistem Pam Penggalak Dan Tangki Sedutan



Tangki Simpanan Air Jenis HDPE

Sistem Pencegah Kebakaran



Sistem Pam Hose Reel



Sistem Pencegah Kebakaran Jenis
Hose Reel Dan Fire Extinguisher



Pemasangan Sistem Fire Suppression
Di Bilik MSB



CADANGAN PEMBINAAN BANGUNAN PEJABAT LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG NEGERI SEMBILAN DAN PERTUBUHAN PELADANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN



Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Dalam
Tempoh Kontrak : 22 bulan
Tarikh Siap Sebenar (CPC) : 15 November 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan : 26 November 2018
Kontraktor Utama : Zira Enterprise
Kontraktor NSC :
Lukut Jati Enterprise
(Sistem Penyaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal)
Nikaf Enterprise
(Sistem Pencegah Kebakaran)

Kos Kontrak Semasa : RM 4,457,533.30
Kos Sistem Mekanikal : RM 522,700.00
Skop Projek : Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baru dua (2) tingkat yang menempatkan ruang pejabat, kemudahan bilik-bilik mesyuarat, surau, pantri, bilik-bilik fail dan lain-lain.

Pencapaian

- (i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)
- (ii) Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:
Memberi keselesaan kepada kakitangan untuk bekerja di tempat yang lebih kondusif. Juga memberi keselesaan kepada rakyat khususnya pelanggan yang terdiri daripada petani penternak dan peladang untuk berurusan dengan pihak Lembaga Pertubuhan Peladang.

(iii) Kelebihan projek:

Projek dilengkapi dengan sistem penyaman udara jenis cekap tenaga menggunakan teknologi *inverter*. Penggunaan sistem ini juga dapat meningkatkan nilai estetik sesebuah bangunan kerana unit *outdoor* yang ditempatkan di aras bumbung terlindung daripada pandangan penghuni dan pengguna bangunan.

Sistem penyaman udara jenis *variable refrigerant flow* (VRF) dipilih kerana reka bentuk sistem ini menepati konsep reka bentuk bangunan hijau. Ianya juga bersesuaian dengan konsep reka bentuk pejabat sederhana besar yang boleh beroperasi secara optimum pada beban penuh (*full load*) dan beban separa (*half load*).

Projek ini juga dilengkapi dengan sistem pencegahan kebakaran jenis *Hose Reel* sepertimana keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi memastikan keselamatan penghuni bangunan sentiasa terjamin. Reka bentuk bangunan ini juga telah dijadikan lukisan piawai (PAP).



Majlis Penyerahan Projek Kepada Pihak Pelanggan, Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Sembilan

Sistem Pencegah Kebakaran



Panel Kawalan Bagi Sistem Pencegah Kebakaran

Sistem Penyaman Udara



Sistem Penyaman Udara Jenis Variable refrigerant flow (VRF) Inverter



Fan Coil Unit Di Ruang Pejabat



Panel Kawalan Bagi Sistem Penyaman Udara

MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA KOMPLEKS PEKAN RABU, ALOR SETAR, KEDAH



Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Dalam
Tempoh Kontrak : 24 bulan
Tarikh Siap Sebenar (CPC) : 15 Januari 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan : 29 Januari 2018
Kontraktor Utama : Blackfox Engineering Sdn.
Bhd.

Kontraktor NSC :
Ilmar Engineering Sdn. Bhd.
(Sistem Penyaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal)
Power Ventures Enterprise
(Sistem Pencegah Kebakaran)
Dover Elevators (Malaysia) Sdn. Bhd.
(Sistem Lif)
MBA Teguh Sdn. Bhd.
(Sistem Peralatan Dapur)

Kos Kontrak Semasa : RM 36,880,226.70
Kos Sistem Mekanikal : RM 3,175,700.00
Skop Projek : Projek ini melibatkan kerja-kerja meroboh dan membina semula Kompleks Pekan Rabu. Bangunan ini memiliki keluasan 9,412 meter persegi yang mempunyai 355 ruang niaga termasuk kios dan 24 buah kedai makan.

Bangunan tiga (3) tingkat ini juga turut menempatkan ruang pejabat, bilik mesyuarat, ruang solat, aras servis mekanikal, bilik kawalan dan turut disediakan kemudahan parkir di aras Basement iaitu sebanyak 217 unit ruang parkir kereta serta 118 parkir motosikal untuk kemudahan peniaga dan pengunjung.

Pencapaian :

(i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dan Lukisan Siap Bina (*As Built Drawing*)

(ii) Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:

Kompleks Pekan Rabu ini merupakan ikon pelancongan dan secara tidak langsung projek ini dapat membantu pihak kerajaan negeri Kedah menarik pelancong luar masuk untuk melawat dan melancong ke negeri Kedah.

Dengan kewujudan kompleks ini juga dapat memberikan peluang kepada usahawan bumiputera untuk menjalankan perniagaan. Kompleks baharu ini menyediakan pelbagai pilihan kepada pengunjung kerana terdapat lebih banyak ruang kedai dan susun atur gerai-gerai lebih teratur serta sistematik bagi memudahkan pengunjung untuk membeli-belah.

(iii) Kelebihan projek:

Projek ini menggunakan sistem penyaman udara jenis *air cooled split unit (ACSU)*. Pemasangannya adalah lebih kemas dan terdapat kepelbagaian kapasiti pendinginan serta mudah digunakan. Manakala *outdoor unit* diletakkan di kawasan yang terlindung daripada pandangan umum bagi meningkatkan nilai estetik bangunan tersebut. Lokasi *outdoor unit* ini juga dilengkapi dengan ruang kerja (*servis Platform*) bagi tujuan keselamatan pekerja ketika kerja-kerja penyelenggaraan.

Kompleks ini dilengkapi dengan sistem pengudaraan mekanikal (*mechanical ventilation*) bagi memberikan

pengudaraan yang baik serta keselesaan yang optimum kepada peniaga dan juga pengunjung.

Aras *Basement 1* dan *Basement 2* merupakan aras parkir bagi kompleks ini yang telah dilengkapi dengan sistem *smoke spill*. Sistem ini direka bentuk untuk kegunaan dwifungsi iaitu ianya akan berfungsi sebagai sistem pengudaraan mekanikal pada keadaan biasa (*normal mode*) dan akan berfungsi sebagai sistem *smoke spill* apabila berlaku kebakaran (*fire mode*).

Aras *Basement 2* turut dilengkapi dengan sistem *submersible pump* yang berfungsi untuk memindahkan air yang bertakung disebabkan hujan bagi mengelakkan kejadian banjir berlaku di aras tersebut.

Sistem pencegah kebakaran jenis *Automatic Sprinkler* juga dipasang di keseluruhan bangunan yang berfungsi memadamkan kebakaran secara automatik apabila berlakunya kebakaran di bangunan tersebut.



Lawatan Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia, YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Roslan Bin Md Taha Bersama Pihak Pelanggan

Sistem Penyaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal



Outdoor Unit Untuk Sistem Penyaman Udara Diletakkan Pada Satu Ruang Khas Dilengkapi Platform



Fan Coil Unit Di Ruang Pejabat



Exhaust Fan Untuk Sistem Pengudaraan Mekanikal Dilengkapi Dengan Service Platform



Sistem Pengudaraan Mekanikal/Sistem Smoke spill Di Basement 1 Dan Basement 2

Sistem Pencegah Kebakaran



Tangki Air, Pam Dan Panel Kawalan
Untuk Sistem *Automatic Sprinkler*



Perpaipan Untuk Sistem *Automatic Sprinkler*



Hose Reel Drum Ditempatkan Di
Kedudukan Yang Tinggi Untuk
Mengelakkan Vandalisme



Sistem Lif



Peralatan Sistem Lif

4.2.3 Bahagian Rekabentuk Pendidikan

Jadual di bawah menunjukkan bilangan projek yang dilaksanakan oleh Bahagian Rekabentuk Pendidikan:

PERKARA	KAEDAH PELAKSANAAN & KOS MEKANIKAL						JUMLAH	
	DALAMAN		REKA & BINA		PERUNDING			
	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)
Projek	60	1.2 Bilion	10	632.8 Juta	7	284.8 Juta	77	2.2 Bilion
Sistem	239	114.9 Juta	63	84.9 Juta	33	43.1 Juta	331	242.9 Juta



PEMBINAAN DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) DI PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR : FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (FKEE) - BANGUNAN PENTADBIRAN DAN AKADEMIK

Kaedah Pelaksanaan	: Reka dan Bina
Tempoh Kontrak	: 29 bulan
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	: 24 Jun 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan	: 24 Julai 2018
Kontraktor Utama	:
Pembinaan Hamid Abd. Rahman – Ekovest Construction Sdn Bhd J.V.	
Kos Kontrak Semasa	: RM 44,973,921.38
Kos Sistem Mekanikal	: RM 7,499,200.00
Skop Projek	: Pembinaan satu (1) blok tujuh (7) tingkat yang mengandungi bilik Timbalan Dekan, Profesor, Profesor Madya dan pensyarah serta bilik mesyuarat di FKEE.

Sistem Mekanikal bagi projek ini adalah seperti berikut:

- A. Sistem Penyaman Udara dan Pengudaraan Mekanikal
- B. Sistem Pencegah Kebakaran
- C. Sistem Paip Air Dalam dan Sanitari
- D. Sistem Lif
- E. Sistem Automasi Bangunan (BACS)

Pencapaian :


- i. Serahan projek secara 9 dalam 1 :
 - Lukisan Siap Bina (*As-Built Drawing*);
 - Penyata Akaun Muktamad (SoFA);
 - Kecacatan Sifar (*Zero Defect*);
 - Pelaksanaan *Building Information Modelling* (BIM) beserta Softcopy Model 3D;
 - Penarafan Hijau (pHJKR) berjaya memperoleh penarafan tiga (3) bintang;
 - Kemalangan Sifar selama 400,000 Jam Bekerja (*Lost Time Injuries, LTI*);
 - Penjimatan Kos sebanyak RM 297,000.00; dan
 - Kecekapan Tenaga (*Energy Efficiency, EE*)

- ii. Faedah/Kepentingan projek kepada rakyat


Pembinaan Blok Pentadbiran dan Akademik di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di UTHM ini telah memberi impak positif dari segi keselesaan kepada pensyarah universiti termasuk Timbalan Dekan, Profesor, Profesor Madya serta seluruh warga kerja FKEE.

- iii. Kelebihan projek

Projek ini telah menggunakan perisian BIM bagi sistem penyaman udara dan sistem pencegah kebakaran serta koordinasi projek yang cemerlang dengan pencapaian Kecacatan Sifar (*Zero Defect*). Selain itu, projek ini turut mengaplikasikan elemen hijau untuk sistem penyaman udara berteknologi inverter sekaligus dapat mengoptimumkan penggunaan dan kecekapan tenaga.



Model BIM Bagi Sistem Penyaman Udara
VRF Yang Dihasilkan Menerusi Revit



Model BIM Bagi Sistem Automatic
Sprinkler Yang Dihasilkan Menerusi Revit



Gambaran Model BIM Bangunan



Bangunan Sebenar



Penyerahan Projek Disempurnakan
Oleh YBrs. Ar. Zairul Azidin Bin Badri,
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
(Sektor Bangunan) Kepada YBrs. Prof. Dr.
Hashim Bin Saim, Dekan FKEE UTHM,
Selaku Wakil Pelanggan.



Pasukan Projek



Penyambungan Sesalur Di outdoor Unit
Bagi Sistem VRF



Pemasangan Paip Sistem Mekanikal



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT) - PEMBINAAN BANGUNAN BAGI INSTITUT BIOTEKNOLOGI MARIN



Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Dalam
 Tempoh Kontrak : 30 Bulan
 Tarikh Siap Sebenar (CPC) : 8 November 2018
 Tarikh Serah Kepada Pelanggan: 21 Februari 2019
 Kontraktor Utama : Ninety Nine Kay Sdn. Bhd.
 Kontraktor NSC :
 Eaststar Network Enterprise
 (Sistem Penyejukan Udara Dan Pengudaraan Mekanikal)
 Norshah Enterprise
 (Sistem Pencegah Kebakaran)
 Sigma Elevator (M) Sdn. Bhd.
 (Sistem Lif)
 KF Karisma Sdn. Bhd.
 (Sistem LPG Dan Gas Makmal)
 Anmesra Sdn. Bhd.
 (Sistem Fume Cupboard)
 PRO-Duct Services
 (Sistem Cold room)

Kos Kontrak Semasa : RM 10,596,490.34
 Kos Sistem Mekanikal : RM 1,875,300.00

Skop Projek :
 Projek ini merupakan pembinaan satu (1) blok tiga (3) tingkat yang menempatkan Institut Bioteknologi Marin, makmal-makmal dan bilik pensyarah UMT

Pencapaian :

i. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

ii. Faedah/Kepentingan projek kepada rakyat:

Pembinaan makmal penyelidikan Bioteknologi Marin ini mampu menarik lebih ramai pihak termasuk universiti tempatan dan luar negara serta industri luar untuk menjalankan aktiviti penyelidikan selaras dengan sasaran UMT sebagai *Research University* (RU) serta sebuah hub penyelidikan pertama seumpamanya di pantai timur.

iii. Kelebihan Projek :

Projek ini dilengkapi dengan peralatan dan sistem makmal bagi aktiviti penyelidikan, antaranya sistem *cold room* untuk menempatkan bahan-bahan dan sampel spesimen ujikaji. Selain itu sistem LPG di makmal turut dilengkapi dengan *gas leak detector* bagi tujuan pengesanan awal jika terdapat kebocoran gas manakala sistem *Emergency Shower & Eye Wash* sebagai langkah keselamatan sekiranya terdapat sebarang kecemasan melibatkan bahan kimia.



Blok Bangunan Institut Bioteknologi
Marin UMT Kampus Kuala Nerus

Sistem Penyejukan Udara



Sistem Pencegah Kebakaran



Sistem Bekalan Air Dalam



Sistem Pam Penggalak

Sistem Lif



Komponen Lif Di Bilik Motor

Sistem Cold Room

Indoor & Outdoor Unit, Thermostat Control & Insulation Panel

Sistem LPG dan Gas Makmal



Sistem LPG Berpusat



Gas Leak Detector Dan Gas Detector Panel Di Makmal



Paip LPG Di Dalam Riser



Sistem Gas Makmal
Berpusat
(Gas CO₂ & O₂)

Sistem *Emergency Shower & Eye Wash*



Sistem *Emergency Shower & Eye Wash* Di Makmal

Sistem *Fume Cupboard*



Sistem Air Shower



Komponen Sistem Air Shower

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA JERLUN, KEDAH



Penyerahan Projek Oleh Pengarah
JKR Negeri Kedah Kepada Jabatan
Pendidikan Negeri Kedah, Selaku
Wakil Pelanggan.

Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional Dalam (Pakej)
Tempoh Kontrak	: 48 bulan
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	: 25 Jun 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan	: 24 September 2018
Kontraktor Utama	: Usima Sdn. Bhd.
Kos Kontrak Semasa	: RM 57,352,031.57
Kos Sistem Mekanikal	: RM 2,700,000.00

Skop Projek :
Projek ini melibatkan pembinaan 24 bilik darjah, makmal, dewan serbaguna, asrama 900 pelajar termasuk dewan makan, surau dan lain-lain kemudahan

Pencapaian :
i. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC), Lukisan Siap Bina (*As Built Drawing*) dan Penyata Akaun Muktamad (SoFA) secara 3 in 1

ii. Faedah/Kepentingan Projek kepada rakyat
Pembinaan sekolah baharu ini merupakan ikon dalam sistem pendidikan agama kerana merupakan antara sekolah aliran agama berasrama penuh yang terawal di negeri Kedah. Projek ini dilengkapi dengan kemudahan untuk pembelajaran dan kemudahan pelajar yang kondusif.

iii. Kelebihan Projek

Projek sekolah baharu ini dilengkapi dengan peralatan dan sistem mekanikal bagi sesi persekolahan dan juga kemudahan asrama. Sistem peralatan dapur di dewan makan telah direka bentuk termasuk *freezer* untuk penyimpanan bahan mentah, sistem LPG dan sistem *kitchen hood*. Selain itu, makmal-makmal turut dilengkapi dengan sistem LPG dan sistem *fume cupboard* bagi kemudahan pembelajaran. Sistem *Emergency Shower & Eye Wash* juga disediakan sebagai langkah keselamatan sekiranya terdapat sebarang kecemasan yang melibatkan bahan kimia.

Sistem Pencegah Kebakaran



Tangki dan Pam Sistem Hose Reel

Sistem Bekalan Air Dalaman



Sistem Pam Penggalak

Sistem Pencegah Kebakaran



Stor LPG Di Blok Dewan Makan



Stor Gas dan Nozzle untuk Sistem
LPG di Blok Makmal

Sistem Peralatan Dapur



Condensing Unit Bagi Freezer



Sistem Kitchen Hood Di Blok Dewan Makan



Sistem Peralatan Dapur Di Blok Dewan Makan

Sistem Peralatan Makmal

Sistem Fume Cupboard



4.2.4 Bahagian Rekabentuk Keselamatan & Infrastruktur Pengangkutan

Jadual di bawah menunjukkan bilangan projek yang dilaksanakan oleh Bahagian Rekabentuk Keselamatan & Infrastruktur Pengangkutan:

PERKARA	KAEDAH PELAKSANAAN & KOS MEKANIKAL						JUMLAH	
	DALAMAN		REKA & BINA		PERUNDING			
	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS
Projek	64	1.8 Bilion	19	1.5 Bilion	14	682.7 Juta	97	4 Bilion
Sistem	262	109.4 Juta	107	144.1 Juta	73	56.1 Juta	442	309.5 Juta

KERJA-KERJA TERBENGGALAI BAGI PEMBINAAN BANGUNAN TAMBAHAN IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN (IPK) JOHOR (FASA 1)

Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding
 Tempoh Kontrak : 38 bulan
 Tarikh Siap Sebenar (CPC) : 25 April 2018
 Tarikh Serah Kepada Pelanggan : 26 April 2018
 Kontraktor Utama : QSE Construction Sdn Bhd

Kontraktor NSC :
 Kejuruteraan Astra Sdn Bhd
 (Sistem Penyaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal)

MSK Builder Holdings Sdn. Bhd.
 (Sistem Lif)

Moncheg Technologies Sdn. Bhd.
 (Sistem Pencegah Kebakaran)


Nobby Engineering Sdn. Bhd.
 (Sistem Peralatan Dapur)

BC Builder Enterprise
 (Sistem Target Menembak Tertutup 25 Meter)

AMP Corporation Sdn. Bhd.
 (Sistem Simulasi Menembak)

Kos Kontrak Semasa : RM 76,789,982.30
 Kos Sistem Mekanikal : RM 20,379,311.82

Skop Projek : Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan tambahan Blok Menara Pentadbiran 11 tingkat beserta tempat letak kereta empat (4) tingkat, menempatkan Jabatan Logistik, lokap, lapang sasar, Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Pengurusan dan pejabat pengurusan atasan serta bangunan tambahan lain seperti Blok Bekalan dan Persenjaan, Blok Trafik, kafeteria, stor peluru, kuarters kelas F lapan (8) tingkat, kuarters kelas D & E dan pencawang TNB.



Pencapaian :

- (i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)
- (ii) Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:

Projek ini merupakan pembinaan bangunan baharu dan tambahan yang dibina di dalam kawasan IPK Johor sedia ada bagi menggantikan bangunan pentadbiran lama yang berusia lebih 40 tahun. Penyediaan kemudahan tambahan pejabat kepada warga PDRM ini amat penting untuk meningkatkan keselamatan dan keharmonian warga negeri Johor yang menjadi pintu masuk dari selatan Semenanjung Malaysia dan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) Projek ini merupakan satu lagi kesinambungan pencapaian pembangunan projek-projek di jabatan ini dalam usaha untuk menyediakan keperluan ruang pejabat kepada warga PDRM. Pembangunan projek ini turut memberi kemudahan dan keselesaan yang mana matlamat akhirnya ialah hasil kerja serta perkhidmatan yang lebih berkualiti.

- (iii) Kelebihan projek:

Projek ini menggunakan sistem penyaman udara jenis *water cooled chiller* bagi Menara Pentadbiran dan *variable refrigerant flow* (VRF) untuk bilik-bilik 24 jam serta *intermittent usage*. *Plantroom* bagi sistem mekanikal diletakkan di separa *Basement* yang mudah diakses dan tidak mengganggu laluan utama. *Building Automation System* (BAS) juga disediakan untuk tujuan kawalan dan pemantauan peralatan sistem mekanikal di dalam bangunan.

Projek ini juga dilengkapi dengan sistem simulasi menembak di mana PDRM boleh menyediakan latihan menembak pelbagai senario menggunakan senjata secara *laser signature* atau peluru hidup. Sistem simulasi menembak menggunakan *laser signature* turut dilengkapi dengan *hit detection camera*, *LCD projector*, *firearm diagnostic unit*, *air recoil kit*, perisian dan panel kawalan sesentuh. Sistem ini jarang dibekalkan kepada IPK PDRM dan kebiasaannya digunakan secara khusus oleh pihak Cawangan Khas atau Unit Tindakan Khas (UTK).

Sistem Penyaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal



Plantroom Menempatkan Sistem Water Cooled Chiller



Cooling Tower



Outdoor Unit VRF



Sistem Pencegah Kebakaran



Peralatan Pam, Panel Dan Tangki
Bagi Sistem Automatic Sprinkler
& Wet Riser



Alarm Valve Diletakkan Di Kawasan
Yang Mudah Diakses Oleh Pihak
Bomba



Sistem Lif Di Blok Pentadbiran



Sistem Lif

Sistem Peralatan Dapur



Kitchen Hood Lengkap Dengan Sistem Wet Chemical Dan Peralatan Dapur Di Kafeteria

Sistem Target Menembak Lapang Sasar Tertutup 25 Meter



Lapang Sasar 25 Meter Dilengkapi Dengan Acoustic Wall, Floor Dan Ceiling Baffle (Rubber Tile) Untuk Tujuan Keselamatan



Shooting Booth Yang Dilengkapi Dengan Monitor, Panel Kawalan Individu, Headphone, Partition, Target Board, System Retrieval Target Dan Pengudaraan Untuk Penembak




Flipping Target 25 Meter Dilengkapi Dengan Motorised System Dan Bullet Catcher Yang Menggunakan Rubber Block Sebagai Tembok Pelindung Menahan Kesan Tembakan Untuk Tujuan Keselamatan



Bilik Kawalan Utama Yang Menempatkan Sistem Kawalan Integrasi Utama Merangkumi *Lighting, Audio, CCTV, Ventilation, Card Access, Target System Dan Intercom*

Sistem Simulasi Menembak



Portable Live Fire Screen Bersaiz 7.5' X 10' Untuk Tujuan Latihan Simulasi Menembak Menggunakan Senjata Secara Laser Signature.



Dry Fire Screen Untuk Tujuan Latihan Simulasi Menembak Pelbagai Senario Yang Boleh Dicipta Oleh Pihak PDRM



Stinger Return Fire Canon Yang Dilengkapi Dengan Stinger Rubber Ball Berfungsi Sebagai Alat Penembak



Air Recoil Kits Yang Disambung Ke Senjata Laser signature Dan Dijana Dengan Menggunakan 12 Oz Gas Cylinder

CADANGAN MEMBINA PARKWAY DROP ZONE DI STESEN KOMUTER SERDANG



Kaedah Pelaksanaan : Konvensional
 Dalam
 Tempoh Kontrak : 24 bulan
 Tarikh Siap Sebenar (CPC) : 16 Januari 2018
 Tarikh Serah Kepada Pelanggan : 22 Januari 2018
 Kontraktor Utama : Bellykova Corporation
 Sdn. Bhd.

Kontraktor NSC :
 Eita Elevator (M) Sdn. Bhd.
 (Sistem Lif Dan Eskalator)
 Mosas Engineering Sdn. Bhd.
 (Sistem Pengudaraan Mekanikal Dan Peralatan Dapur)

Kos Kontrak Semasa : RM 10,663,056.92
 Kos Sistem Mekanikal : RM 582,380.00

Skop Projek :
 Projek ini melibatkan pelebaran jalan dengan pembinaan *drop zone* bagi penumpang komuter, bas, teksi dan kenderaan awam di kawasan A, pelebaran jalan dengan pembinaan kawasan *drop zone* untuk perkhidmatan bas dan teksi di kawasan B, mereka bentuk semula longkang saliran (*monsoon drain*) dan menaiktaraf jejantas pejalan kaki.

Pencapaian :

(i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

(ii) Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:

Kemudahan *Parkway Drop Zone (PDZ)* yang diintegrasikan dengan stesen komuter dibina untuk kegunaan pengguna keretapi yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas agar keselesaan dan keselamatan kepada pengguna, kenderaan dan pengangkutan awam terjamin.

(iii) Kelebihan projek:

Sistem Eskalator yang disediakan adalah jenis *heavy duty* dengan ketinggian tujuh (7) meter dari aras lantai bawah ke aras satu (1) dan dilengkapi *intermediate support*. Kelebaran eskalator ini adalah satu (1) meter dengan berkelajuan 0.5 m/s. Ia mampu memindahkan sehingga 6,000 orang dalam masa satu jam. Eskalator ini juga dilengkapi dengan aspek keselamatan seperti *emergency stop device*, *skirt guard safety*, lampu penunjuk arah dan jimat tenaga dimana ia akan berhenti secara automatik jika tiada pengguna (*auto sensor for energy saving*).

(iii) Kelebihan projek:

Sistem Eskalator yang disediakan adalah jenis *heavy duty* dengan ketinggian tujuh (7) meter dari aras lantai bawah ke aras satu (1) dan dilengkapi *intermediate support*. Kelebaran eskalator ini adalah satu (1) meter dengan berkelajuan 0.5 m/s. Ia mampu memindahkan sehingga 6,000 orang dalam masa satu jam. Eskalator ini juga dilengkapi dengan aspek keselamatan seperti *emergency stop device*, *skirt guard safety*, lampu penunjuk arah dan jimat tenaga dimana ia akan berhenti secara automatik jika tiada pengguna (*auto sensor for energy saving*).

Sistem Peralatan Dapur



Kitchen hood Dilengkapi Sistem Wet Chemical Fire Suppression

Sistem Lif & Eskalator



Sistem Lif OKU



Eskalator Jenis Outdoor/ Heavy Duty



Lawatan Tapak Bersama Pengarah Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP) JKR Ir. Mohamed Amin Bin Kassim Bersama Pelanggan iaitu Perbadanan Aset Keretapi

PEMBINAAN IBU PEJABAT POLIS DAERAH (IPD) JOHOR BAHRU SELATAN, JOHOR



Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Perunding
Tempoh Kontrak : 28 bulan
Tarikh Siap Sebenar (CPC) : 12 April 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan : 30 April 2018
Kontraktor Utama : N.S Construction Sdn. Bhd.
Kontraktor NSC :

Kartika Juara (M) Sdn. Bhd.
(Sistem Penyaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal)

Zulfan Sdn. Bhd.
(Sistem Pencegah Kebakaran)

KAC Services Sdn. Bhd.
(Sistem Lif)

X-Job Holding Sdn. Bhd.
(Sistem Target Lapang Sasar)

Infotech Link Sdn. Bhd.
(Sistem Peralatan Bengkel)

Kos Kontrak Semasa : RM 73,299,112.74
Kos Sistem Mekanikal : RM 11,860,693.00

Skop Projek :

Projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan pentadbiran IPD beserta blok-blok sokongan seperti stor peluru, stor transit, stor barang kes, dan bengkel kenderaan. Terdapat juga kuarters kediaman anggota Kelas E dan F beserta kemudahan surau, dewan serba guna, PERKEP, tadika dan lain-lain.

Pencapaian :

(i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

(ii) Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:

Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) ini adalah projek berkeutamaan tinggi bagi memenuhi permintaan kepolisan setempat yang kritikal dan terletak di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). Projek ini penting bagi menggantikan bangunan IPD Johor Bahru Selatan yang lama bersesuaian dengan kepesatan pembangunan WPI.

(iii) Kelebihan projek:

Projek ini menggunakan sistem penyalaman udara jenis *variable refrigerant flow* (VRF) bagi blok pentadbiran IPD dengan kapasiti keseluruhan 666 TR. Sistem VRF dipilih memandangkan kebanyakan ruang di bangunan ini adalah ruang individu yang memerlukan kawalan berasingan dan penggunaan *intermittent*. Oleh yang demikian, penggunaan sistem VRF yang berteknologi *inverter* ini lebih menjimatkan tenaga.

Manakala sistem pencegah kebakaran terdiri daripada sistem *automatic sprinkler*, sistem *Wet Riser*, sistem *dry riser*, sistem penggera kebakaran automatik dan sistem *fire suppression*.

Terdapat juga sistem peralatan bengkel di Cawangan Kenderaan yang dilengkapi *4-post lift*, *scissor lift*, sistem pemampat udara berpusat, sistem pam minyak pelincir dan gris berpusat serta peralatan-peralatan untuk penyelenggaraan kenderaan yang lain. Kelengkapan ini penting untuk penyelenggaraan kenderaan pasukan PDRM yang terdiri daripada kereta, lori, bas dan lain-lain.

Projek ini juga dilengkapi dengan lapang sasaran tertutup sebanyak enam (6) lorong yang digunakan untuk latihan menembak anggota-anggota PDRM di IPD ini. Lapang sasaran ini lengkap dengan sistem sasaran automatik dan sistem penahan peluru (*bullet containment*). Manakala keseluruhan dinding, lantai serta siling kawasan lapang sasaran direka dengan ciri-ciri anti-ricochet untuk menjamin keselamatan pengguna. Selain itu, sistem pengudaraan direka supaya segala udara cemar/asap daripada senjata api yang merbahaya dapat disingkirkan dengan segera mengikut piawaian yang ditetapkan.

Sistem Penyalaman Udara Dan Pengudaraan Mekanikal



Outdoor Unit Sistem VRF Di Aras Bumbung



Panel Kawalan Jenis Weather-Proof Untuk Sistem VRF

Sistem Pencegah Kebakaran



Pam Sistem Automatic Sprinkler



Shooting Booth

Sistem Lif



Lif Bomba Untuk Blok Kuarters
Kelas F




Panel Kawalan Motor Di Bilik
Motor Lif



Lapang Sasar 25 Meter
Dilengkapi Dengan Acoustic
Wall, Floor Dan Ceiling Baffle
(Rubber Tile) Untuk
Tujuan Keselamatan



Sistem Pengudaraan Mekanikal
Untuk Lapang Sasar –
Centrifugal Fan Beserta Primary,
Secondary Dan HEPA Filter



4-Post Vehicle Lift Berkapasiti
5 Tan



Nozzle Untuk Minyak Pelincir
Dan Minyak Gris

4.2.5 Bahagian Rekabentuk Kesihatan

Jadual di bawah menunjukkan bilangan projek yang dilaksanakan oleh Bahagian Rekabentuk Kesihatan:

PERKARA	KAEDAH PELAKSANAAN & KOS MEKANIKAL						JUMLAH	
	DALAMAN		REKA & BINA		PERUNDING			
	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS
Projek	83	1.4 Bilion	62	6.7 Bilion	10	934.7 Juta	155	9.1 Bilion
Sistem	381	223.8 Juta	519	1.5 Bilion	78	127.7 Juta	978	1.9 Bilion

CADANGAN HOSPITAL (268 KATIL) KUALA KRAI, KELANTAN (REKA & BINA) FASA 2



Kaedah Pelaksanaan : Reka & Bina
 Tempoh Kontrak : 48 bulan
 Tarikh Siap Sebenar (CPC) : 31 Mei 2018
 Tarikh Serah Kepada Pelanggan : 1 Jun 2018
 Kontraktor Utama : Pembinaan SPK Sdn Bhd
 Kos Kontrak Semasa : RM 285,086,508.86
 Kos Sistem Mekanikal : RM 56,610,123.00
 Skop Projek :

Hospital Kuala Krai berkonsepkan hospital dalam taman ini menempatkan 268 katil pesakit.

Hospital ini dilengkapi dengan peralatan perubatan, perkhidmatan sokongan klinikal yang terkini, selain bangunan pentadbiran, tempat letak kereta dan kemudahan untuk kakitangan, orang kelainan upaya serta pelawat.

Sistem Mekanikal bagi projek ini adalah seperti berikut:

- A. Sistem Penyaman Udara dan Pengudaraan Mekanikal
- B. Sistem Pencegah Kebakaran
- C. Sistem Paip Air Dalaman dan Sistem Paip Sanitari.
- D. Sistem Lif & Eskalator
- E. Sistem Gas Perubatan
- F. Sistem Air Panas
- G. Sistem *Pneumatic Tube*
- H. Sistem *Liquidified Petroleum Gas* (LPG)
- I. Sistem Automasi Bangunan (BAS)
- J. Sistem Pensteril (CSSD)
- K. Sistem Peralatan Dapur
- L. Sistem *Cold room*
- M. Sistem Kelengkapan Makmal
- N. Sistem Kelengkapan Pergigian
- O. Sistem Audiometri
- P. Sistem *Conveyor Belt*
- Q. Sistem *Reverse Osmosis*

Pencapaian :
(i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

ii) Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:

Projek ini adalah bertujuan memberi perkhidmatan kesihatan yang lebih baik kepada rakyat tempatan di samping menjadi mercu tanda baru di Kuala Krai. Hospital ini memberi manfaat dan impak positif kepada ekonomi masyarakat Kelantan amnya dan Kuala Krai khususnya. Operasi Hospital baru ini menyediakan 2,700 perjawatan berbanding 900 perjawatan di hospital lama, sekali gus memberi limpahan besar pembangunan setempat seperti pembinaan rumah, premis perniagaan, restoran, dobi dan hotel.

(iii) Kelebihan projek:

Sistem penyaman udara adalah menggunakan sistem *water cooled chiller* dengan kapasiti penyejukan keseluruhan adalah 600TR. Sistem adalah dilengkapi dengan perisian *Chiller Management System (CMS)* untuk memastikan operasi *chiller* adalah sentiasa berada pada tahap optimum dan pemantauan dapat dilaksanakan dengan mudah. Terdapat 56 unit *Air Handling Unit (AHU)* dan 266 unit *Fan Coil Unit (FCU)* dipasang di keseluruhan kompleks hospital.

Sistem Eskalator yang disediakan adalah jenis *heavy duty* dengan ketinggian lima (5) meter dari aras lantai bawah ke aras tingkat satu di jabatan klinik pakar. Eskalator ini juga dilengkapi dengan aspek keselamatan seperti *emergency stop device*, *skirt guard safety*, lampu penunjuk arah dan jimat tenaga dimana ianya akan berhenti secara automatik jika tiada pengguna (*auto sensor for energy saving*).

Sistem *Pneumatic Tube* dilengkapi dengan 27 unit *receiver* berjenis *front loading* yang menghubungkan keseluruhan kompleks hospital bagi tujuan mempercepatkan proses penghantaran sampel darah, dokumen x-ray dan lain-lain ke jabatan-jabatan yang berada di dalam hospital.

Sistem *Reverse Osmosis* membekalkan air terawat dengan kualiti *ultra-pure* bagi tujuan dialisis di jabatan hemodialisis. Sistem adalah mampu untuk membekalkan air *ultra-pure reverse osmosis* kepada 31 unit mesin hemodialisis pada satu-satu masa.



Majlis Penyerahan Projek Oleh Wakil Pegawai Penguasa Utama Kepada Pengarah Hospital Kuala Krai





Lawatan Mantan Pengarah Kanan CKM
Pada 22 Mac 2018



Sesi Pengujian Sistem Penyaman Udara
Di Dewan Bedah



Lawatan Dan Pemeriksaan Bersama Pihak Bahagian Keselamatan
Kebakaran, Jabatan Bomba Dan Penyelamat



Pengujian Sistem Automatic
Sprinkler

Sistem Lif



Pemeriksaan Pegawai Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (JKKP) Bagi Pemasangan Sistem Lif

Sistem Gas Perubatan



Susun Atur Peralatan Perubatan



Sistem Gas Perubatan Jenis *Pendant* Di Dewan Bedah



Sistem Gas Perubatan Jenis *Pendant* Di *Intensive Care Unit (ICU)*



*Neonatal Workstation di Neonatal
Intensive Care Unit (NICU)*




Plant Room Sistem Vacuum



Plant Room Sistem Compressor (MA4)

Sistem Kelengkapan Pergigian



*Sistem Kelengkapan Pergigian Jenis
Officer Unit Di Jabatan Kecemasan*

Sistem Peralatan Dapur Dan Conveyor Belt



Pemeriksaan Bersama Wakil Pegawai
Penguasa Mekanikal, Pegawai Tapak
Bina Dan Pelanggan

Sistem *Pneumatic Tube*



Susun Atur Receiver Dan Sender Di
Makmal Patologi

Sistem Pensteril



Sistem Pensteril Di *Central Sterile
Services Department (CSSD)*

NAIKTARAF INTENSIVE CARE UNIT (ICU) DAN CORONARY CARE UNIT (CCU), HOSPITAL TUANKU JAAAFAR, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN.



Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional Dalam (Pakej)
Tempoh Kontrak	: 18 bulan
Tarikh Siap Sebenar (CPC)	: 30 Ogos 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan	: 26 September 2018
Kontraktor Utama	: Bina Conso Sdn Bhd
Kos Kontrak Semasa	: RM 6,840,355.75
Kos Sistem Mekanikal	: RM 2,223,081.00
Skop Projek	:

Menaiktaraf Wad 5D (Wad Pediatrik 16 katil sedia ada) kepada Wad 5D (Wad ICU baru dengan kapasiti 10 katil) dan digabungkan bersama Wad 5C (ICU sedia ada).

Menaiktaraf Wad 4C (Wad CCU 8 katil sedia ada) kepada Wad 4C (Wad CCU baru dengan kapasiti 10 katil)

Sistem Mekanikal bagi projek ini adalah seperti berikut:

- A. Sistem Penyaman Udara dan Pengudaraan Mekanikal
- B. Sistem Pencegah Kebakaran
- C. Sistem Paip Air Dalam dan Sistem Paip Sanitari
- D. Sistem Gas Perubatan
- E. Sistem Pensteril

Pencapaian :

(i) Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

(ii) Faedah/Kepentingan Projek kepada rakyat:

Wad yang dinaiktaraf ini dapat menampung pesakit ICU di hospital negeri disamping memberi perkhidmatan yang lebih baik dengan menggunakan sistem terkini di CCU.

(iii) Kelebihan projek:

Wad 4C(CCUCU) menggunakan water cooled AHU berkapasiti 16.20 TR. Air Handling Unit (AHU) bagi sistem penyaman udara di CCU menggunakan heater bagi mengawal kelembapan udara di dalam bilik tersebut. Bilik isolasi di Wad 5D (ICU) pula adalah negative pressure dan menggunakan 100% fresh air.

Bagi sistem gas perubatan di wad ini pula, standard yang digunakan adalah HTM 02-01, iaitu standard bagi gas perubatan yang baru menggantikan standard HTM 2022. Kapasiti gas dan saiz paip di kedua-dua wad yang dinaiktaraf adalah berbeza dari sebelumnya. Projek ini menggunakan konsep *dual circuits* di kedua-dua jabatan mengikut kehendak HTM 02-01. Wad 4C (CCU), telah dinaiktaraf daripada menggunakan *Bed Head Panel* kepada *single arm double pendant* yang lebih efisien. Manakala di Wad 5D (ICU), masih menggunakan *double tier bedhead panel*.

Bagi sistem pensteril pula, *Slop hopper* lama di bilik *utility* diganti dengan *bedpan washer* bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik dan bersih. *Drying cabinet* untuk *anaesthetic equipment* juga telah dibekalkan untuk tujuan pengeringan peralatan.

Kerja-Kerja Ubah Suai



Wad 5D (Wad ICU Baru) Sebelum Diubahsuai. Semua Sistem Mekanikal Yang Asal (Tanpa Nombor Aset) Perlu Ditanggalkan Dan Dibuang

Sistem Gas Perubatan



Sistem Gas Perubatan Yang Menggunakan Single Arm Double Pendant, Water Inlet Dan Outlet Bagi Portable R.O Bagi Setiap Katil



Sistem Gas Perubatan Yang Menggunakan Double Tier Bedhead Panel

Bedpan Washer



Bedpan Washer Di Bilik Utiliti

4.2.6 Bahagian Projek Khas

Jadual di bawah menunjukkan bilangan projek yang dilaksanakan oleh Bahagian Projek Khas:

PER.	KAEDAH PELAKSANAAN & KOS PROJEK						JUMLAH	
	DALAMAN		PERUNDING		REKA & BINA			
	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)	BIL.	KOS (RM)
PROJEK	-	-	-	-	4	125.9 Juta	4	125.9 Juta
SERVIS MEKANIKAL	-	-	-	-	15	13.7 Juta	15	13.7 Juta

Bahagian Projek Khas memberikan khidmat nasihat teknikal sistem mekanikal di bangunan kerajaan seperti Istana Negara. Bahagian ini juga terlibat dengan projek-projek Kementerian Luar Negara (KLN) iaitu projek Kedutaan Besar Malaysia di New Delhi, Moscow dan Bangkok.



4.3

KHIDMAT PAKAR

4.3.1 Bahagian Pakar Peralatan Pengangkutan & Kejuruteraan Bendalir

Pada tahun 2018, Bahagian Pakar Peralatan Pengangkutan dan Kejuruteraan Bendalir telah melaksanakan 6 aktiviti utama seperti berikut:

Bil.	Aktiviti	Bilangan
i.	Khidmat Nasihat Teknikal	15
ii.	Dokumentasi Teknikal	2
iii.	Auditan Teknikal	0
iv.	Penyelidikan & Pembangunan Inovasi	2
v.	Pelaksanaan Projek Naik Taraf	6
vi.	Pembangunan Kompetensi	3

i. Khidmat Nasihat Teknikal/ Khidmat Kepakaran

Senarai khidmat nasihat teknikal / khidmat kepakaran berkaitan peralatan pengangkutan & kejuruteraan bendalir:

1. Penilaian Teknikal Sistem Mekanikal (Sistem Bekalan Air Sejuk Dalam Dan Perpaipan Sanitari) Di Kompleks Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur;
2. Penilaian Teknikal Sistem Mekanikal (11 Unit Lif) Di Wisma Anak Bukit Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Bandar Muadzam Shah, Kedah;
3. Penilaian Sistem Mekanikal (6 Unit Lif) Di Kompleks E1(M), Ibu Pejabat Polis Cawangan Khas, Polis Di Raja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur;
4. Khidmat Nasihat Teknikal Bagi Cadangan Membina Dua (2) Unit Lif Tambahan (Lif Penumpang) Di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan;
5. Khidmat Nasihat Untuk Kajian Semula Reka Bentuk Konsep Untuk Projek Penggantian Lif Di Suruhanjaya Koperasi Malaysia;
6. Pemeriksaan Dan Siasatan Berkenaan Isu Kerosakan Lif Di Menara Kawalan TUDM Kem Batu 10, Kuantan, Pahang Darul Makmur;
7. Pemeriksaan Dan Penyediaan Laporan Pemeriksaan Penilaian Teknikal Bagi Skop Kerja Penggantian Paip Sistem Bekalan Air Sejuk Dalam Di Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan;

8. Pemeriksaan Dan Penyediaan Laporan Pemeriksaan Penilaian Teknikal Bagi Skop Kerja Penggantian Paip Sistem Bekalan Air Sejuk Dalam Di Menara MATRADE;
9. Pemeriksaan Paip Pecah Di Bangunan Annexe Lot 3G3, Istana Kehakiman;
10. Pemeriksaan Sistem Grease Trap Di Kafeteria Menara Kerja Raya (Blok G);
11. Khidmat Nasihat Teknikal Bagi Kerja-Kerja Penggantian Lima (5) Unit Lif Di Bangunan Wisma Negeri Kuala Terengganu, Terengganu;
12. Khidmat Nasihat Teknikal Bagi Kerja-Kerja Penggantian Empat (4) Unit Lif Di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu, Terengganu;
13. Pemeriksaan Forensik Ke Atas Struktur Lubang Lif (Lift Shaft) Sedia Ada Untuk Pemasangan Sistem Lif Baru Di Bangunan Pejabat Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Jalan Cenderawasih, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
14. Pemeriksaan Kerosakan Dan Anggaran Kos Pembaikan Bagi Enam (6) Unit Lif Di Kompleks Cawangan Khas E1 (M), Jalan Semarak, Kuala Lumpur; dan
15. Pemeriksaan Lif Di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.

Di antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bil	Aktiviti	Gambar Pemeriksaan
1.	Tajuk : Pemeriksaan Kerosakan Dan Anggaran Kos Pembaikan Bagi Enam (6) Unit Lif Di Kompleks Cawangan Khas E1 (M), Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Tarikh : 26 Februari 2018 Ringkasan pemeriksaan/ pengesyoran: Hasil pemeriksaan telah mengesyorkan supaya semua enam unit lif dibuat penggantian baru disebabkan kos pembaikan didapati tidak ekonomik dan hampir setara dengan kos penggantian baru	 Pemeriksaan Motor Lif Di Bilik Motor Lif  Pemeriksaan Car Door Operator Oleh Pegawai Pemeriksaan  Pemeriksaan Wire Rope Dilakukan Ketika Berada Di Dalam Shaft

2.	Tajuk : Pemeriksaan Lif di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu. Tarikh : 9 Oktober 2018 Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran: Hasil pemeriksaan mendapati terdapat beberapa peralatan dan komponen lif tidak dipasang dan/atau tidak beroperasi dengan baik. Oleh itu, sistem lif tersebut telah dicadangkan untuk dibuat pemeriksaan secara menyeluruh bagi mengenalpasti dengan lebih lanjut punca kerosakan dan memastikan pemasangan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.	 Pemeriksaan Terhadap Keadaan Pintu Lif  Pemeriksaan Terhadap Keadaan Car Top
----	---	--

3.

Tajuk :

Pemeriksaan Sistem Lif, Eskalator dan Gondola di Menara Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Tarikh : 3 Januari 2018

Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran:

Hasil dari pemeriksaan yang dijalankan, kesemua unit lif dan eskalator telah disyorkan supaya dibuat penggantian baru disebabkan banyak peralatan dan komponen lif telah rosak dan sukar untuk mendapatkan alat ganti. Selain daripada itu, jangka hayat lif telah melebihi jangka hayat 15 tahun iaitu tempoh yang disyorkan oleh Piawaian JKR bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan.



Pemeriksaan Gondola Di Menara DBP



Pemeriksaan Motor Lif Di Bilik Motor Lif



Pemeriksaan Keadaan Eskalator

4.	Tajuk : Pemeriksaan Penilaian Teknikal Sistem Mekanikal Bangunan <i>Malaysia External Trade Development Corporation</i> (MATRADE) Tarikh : 6 Ogos 2018 Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran: i) Sistem Bekalan Air Sejuk Dalamana sedia ada bagi bangunan MATRADE dicadangkan supaya dibuat penggantian baru. Ini disebabkan oleh keadaan paip sedia ada jenis <i>Galvanised Iron</i> (G.I) didapati telah berkarat dan sering berlaku kebocoran pada paip. ii) Penggantian paip sedia ada adalah perlu memandangkan paip G.I. tidak termasuk dalam senarai paip yang diluluskan oleh SPAN (rujuk <i>Uniform Technical Guidelines for Water Reticulation and Plumbing</i>, SPAN).	 Pemeriksaan Tangki Sedutan Dan Paip Sambungan  Keadaan Penyambungan Paip Ke Tangki Yang Berkarat Dan Bocor  Keadaan Paip Yang Telah Berkarat
----	---	---

ii. Dokumentasi Teknikal

Dokumentasi teknikal iaitu Garis panduan atau Spesifikasi Teknikal Piawai ini disediakan bertujuan untuk dijadikan rujukan kepada kakitangan CKM JKR Malaysia dalam mereka bentuk dan menyediakan dokumen tender atau sebut harga bagi sistem-sistem mekanikal berkaitan. Ini bagi memastikan penyeragaman dalam setiap reka bentuk selain dapat membantu pereka bentuk menyediakan rekabentuk dengan lebih mudah dan cepat. Sebanyak 4 bilangan dokumentasi teknikal telah dihasilkan oleh BPPPKB iaitu:

1. Garis Panduan Reka Bentuk Sistem Lif ;

Garis panduan Reka Bentuk Sistem Lif adalah garis panduan yang pertama dibangunkan oleh BPPPKB dengan kerjasama wakil dari setiap bahagian di CKM dan CKM Negeri. Garis panduan ini telah mengambil kira elemen-elemen penting dalam kerja-kerja mereka bentuk sistem lif seperti pematuhan kepada perundangan, reka bentuk bangunan baru dan sedia ada, pemilihan bahan dan kemasan, penyediaan anggaran kos dan contoh-contoh pengiraan dan lukisan berkaitan.

2. Spesifikasi Teknikal Sistem Lif;

Spesifikasi teknikal Sistem Lif ini adalah penambahbaikan kepada spesifikasi yang telah dibangunkan pada tahun 2008. Edisi terbaru spesifikasi ini dibangunkan menggunakan format yang seragam dan mempunyai elemen penambahbaikan seperti "*Energy Efficiency Features*".

3. Spesifikasi Teknikal *Internal Cold Water And Sanitary Plumbing System*;

Spesifikasi ini telah dibangunkan sebagai penambahbaikan spesifikasi sebelum ini (tahun 2010) dan telah dilancarkan pada 9 April 2018 pada Mesyuarat Jurutera-Jurutera Mekanikal JKR Malaysia. Spesifikasi terbaru ini telah mengambil kira keperluan terbaru "*Uniform Technical Guidelines for Water Reticulation and Plumbing*" daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Bagaimanapun, spesifikasi untuk sistem pam tidak dimasukkan dalam spesifikasi ini kerana ia akan dibangunkan secara berasingan.

4. Spesifikasi Teknikal *Specification Liquefied Petroleum Gas System*:

Spesifikasi ini telah dibangunkan buat pertama kali oleh BPPPKB dengan kerjasama wakil dari setiap bahagian di CKM dan CKM Negeri dan telah dilancarkan pada 9 April 2018 pada Mesyuarat Jurutera-Jurutera Mekanikal JKR Malaysia. Spesifikasi ini akan membolehkan dokumen tender/sebutharga yang dibuat lebih seragam dan dapat disiapkan dengan lebih mudah dan cepat. Spesifikasi ini telah mengambil kira beberapa kriteria penting seperti "*system design requirements*", "*specification for comprehensive service & maintenance*", "*inspection and testing plan*" dan sebagainya.

iii. Auditan Teknikal

Tiada aktiviti yang dijalankan pada tahun 2018.

iv. Penyelidikan & Pembangunan Inovasi

1. Membangunkan senarai semak lukisan pembinaan sistem lif.

 CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL, JABATAN KERJA RAYA		Document No. : 35 Page No. : 21 Revision No. : 30 Date : 24/12/2018		
CONSTRUCTION DRAWING CHECKLIST FOR LIFT SYSTEM				
NO.	DESCRIPTION	JKR REQUIREMENTS	YES / NO	REMARKS
LIFT MOTOR ROOM DRAWINGS				
1	Traction Motor Arrangement			
2	Over-speed Governor			
2.1	Tripping Speed (Mechanical)			
2.2	Tripping Speed (Electrical)			
2.3	Location			
3	LIFT Controller Location			
4	LIFT Drive Unit Location			
5	Handing Beam			
5.1	Size			
5.2	Location			
5.3	Safe Working Load (SWL)			
6	Floor Opening			
6.1	Size			
6.2	Location			
7	Lighting			
7.2	Type	Compact fluorescent / LED Fluorescent Tube		
7.3	Arrangement			
8	Trunking			
8.1	Size			
8.2	Routing	Overhead		
9	Switchboard Location			

Muka Surat 1 Daripada Senarai Semak
Lukisan Pembinaan Sistem Lif

2. Pembangunan aplikasi *online* bagi pemeriksaan sistem
lif di tapak.



Sesi Perbincangan Dengan Pihak JKR
Selangor

v. Pelaksanaan Projek Naik taraf

a) Kerja-Kerja Penggantian Empat (4) Unit Lif dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Blok 8 dan 10, Pangsapuri Taman Bukit Cheras, Kuala Lumpur.

Tempoh Kontrak	: 10 bulan
Tarikh Siap	: 30 Mei 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan	: 31 Mei 2018
Kontraktor	: Fuji DNDT Sdn. Bhd.
Kos Kontrak	: RM 1,683,280.00
Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional Dalamam
Pencapaian	: Projek siap secara 5 in 1 lengkap dengan <i>coffee table book</i> :

- *Certificate of Practical Completion*
- *Operation and Maintenance Manual*
- *As-Built Drawings*
- Penjimatan tenaga
- Penjimatan kos sebanyak RM 30,062.31

Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:

Kerja-Kerja Penggantian Empat (4) Unit Lif Di Pangsapuri Taman Bukit Cheras, Kuala Lumpur adalah salah satu daripada empat projek penggantian lif di bawah program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Projek ini adalah susulan pengesyoran oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Ibu Pejabat JKR (CKM IPJKR) hasil pemeriksaan yang telah dijalankan pada tahun 2016.

Bagi Program TP1M, pihak kerajaan akan menanggung sepenuhnya kos penggantian lif yang telah usang di kediaman milik swasta bawah kategori kos rendah dan sederhana. Dengan siapnya projek ini, penduduk akan dapat menikmati kemudahan lif yang lebih selesa dan selamat. Keselamatan penduduk juga lebih terjamin kerana pemasangan lif ini dilengkapi dengan sistem *Closed-Circuit Television (CCTV)* di dalam lif dan di kawasan lobi. Sebelum ini, penduduk mengalami kesulitan, di mana hanya satu lif sahaja yang beroperasi di setiap blok. Lif yang beroperasi juga dalam keadaan uzur, tidak selamat untuk digunakan serta kerap mengalami kerosakan.

Kelebihan projek:

Pelaksanaan projek ini mengambilkira pematuhan kepada keperluan terkini oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan *Factories and Machinery Act, 1967*.

Dari aspek keselamatan, sistem lif dilengkapi dengan peralatan keselamatan tambahan, iaitu *Emergency Battery Operated Power Supply (EBOPS)*, *Automatic Rescue Device (ARD)*, *full height door sensor* dan *car door locking device*.

Sistem lif yang dipasang mengambikira elemen cekap tenaga seperti *high efficiency motor (permanent magnet motor)*, *auto shut off fan and lighting while idling*, *compact fluorescent lighting* dan *microprocessor controller* yang menyumbang kepada penjimatan elektrik.

Sistem lif ini juga dilengkapi dengan ciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), seperti *voice synthesizer*, *handrail*, panel kawalan lif khas bagi OKU dan butang tulisan braille.

Selain itu, sistem lif ini juga turut dilengkapi dengan sistem *Closed-Circuit Television (CCTV)* di dalam lif dan di lobi pada setiap aras. CCTV boleh dipantau terus dari pejabat pengurusan bangunan.



Pemeriksaan 1st Schedule Oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

*Traction Machine Yang Telah Siap
Dipasang Di Bilik Motor Lif*



*Pandangan Hadapan Lif Baru
Dari Lobi Lif*

*Sesi Pengujian Dan Pentauliahan
Oleh JKR – Pengukuran Tahap
Noise And Vibration*



*Sistem Lif Turut Dilengkapi Dengan
EBOPS*

b) Kerja-Kerja Penggantian Empat (4) Unit Lif dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Blok 22 dan 23, Winner Court A, Taman Desa Petaling, Kuala Lumpur.

Tempoh Kontrak	: 10 bulan
Tarikh Siap	: 18 April 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan	: 19 April 2018
Kontraktor	: Antah Bumimedic Sdn. Bhd.
Kos Kontrak	: RM 2,133,568.00
Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional Dalam
Pencapaian	:
Projek siap secara 5 in 1 lengkap dengan <i>coffee table book</i> :	
• <i>Certificate of Practical Completion</i> • <i>Statement of Final Account</i> • <i>Operation and Maintenance Manual</i> • Penjimatan tenaga • Penjimatan kos sebanyak RM 44,610.74	

Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:

Kerja-kerja penggantian empat (4) unit lif di *Winner Court A*, Kuala Lumpur adalah salah satu daripada empat projek penggantian lif bawah program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Projek ini adalah susulan pengesyoran oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Ibu Pejabat JKR (CKM IPJKR) hasil pemeriksaan yang telah dijalankan pada tahun 2016.

Bagi Program TP1M, pihak kerajaan akan menanggung sepenuhnya kos penggantian lif yang telah usang di kediaman milik swasta bawah kategori kos rendah dan sederhana. Dengan siapnya projek ini, penduduk akan dapat menikmati kemudahan lif yang lebih selesa dan selamat. Keselamatan penduduk juga lebih terjamin kerana pemasangan lif ini dilengkapi dengan sistem *Closed-Circuit Television (CCTV)* di dalam lif dan di kawasan lobi.

Sebelum ini, penduduk mengalami kesulitan, di mana hanya satu lif sahaja yang beroperasi di setiap blok. Lif yang beroperasi juga dalam keadaan uzur, tidak selamat untuk digunakan serta kerap mengalami kerosakan sederhana. Dengan siapnya projek ini, penduduk akan dapat menikmati kemudahan lif yang lebih selesa dan selamat. Keselamatan penduduk juga lebih terjamin kerana pemasangan lif ini dilengkapi dengan sistem *Closed-Circuit Television (CCTV)* di dalam lif dan di kawasan lobi. Sebelum ini, penduduk mengalami kesulitan, di mana hanya satu lif sahaja yang beroperasi di setiap blok. Lif yang beroperasi juga dalam keadaan uzur, tidak selamat untuk digunakan serta kerap mengalami kerosakan.

Kelebihan projek:

Pelaksanaan projek ini mengambil kira pematuhan kepada keperluan terkini oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan *Factories and Machinery Act, 1967*.

Dari aspek keselamatan, sistem lif dilengkapi dengan peralatan keselamatan tambahan, iaitu *Emergency Battery Operated Power Supply (EBOPS)*, *Automatic Rescue Device (ARD)*, *full height door sensor* dan *car door locking device*.

Sistem lif yang dipasang mengambil kira elemen cekap tenaga, seperti *high efficiency motor (permanent magnet motor)*, *auto shut off fan and lighting while idling*, *compact fluorescent lighting* dan *microprocessor controller*. Apa yang lebih istimewa, lif ini menggunakan *Schindler Traction Media (STM)* atau lebih dikenali sebagai *flat belt* berbanding lif konvensional yang menggunakan *wire rope*. Penggunaan STM ini membolehkan penggunaan *Traction Machine* yang berkapasiti lebih kecil dan saiz yang kompak. Ini semua menyumbang kepada penjimatan elektrik.

Sistem lif ini juga dilengkapi dengan ciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), seperti *voice synthesizer*, *handrail*, panel kawalan lif khas bagi OKU dan butang tulisan braille.

Selain itu, sistem lif ini juga turut dilengkapi dengan sistem CCTV di dalam lif dan di lobi setiap aras. CCTV boleh dipantau terus dari pejabat pengurusan bangunan.



Mesuarat Tapak Bulanan Yang Turut
Dihadiri Oleh Pengarah Khidmat Pakar



Pemeriksaan 1st Schedule Oleh Jabatan
Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)



Keadaan Di Bilik Motor Lif Bersama
Peralatan Yang Telah Siap Dipasang.



Kerja Pemasangan Motor Di Bilik
Motor Lif Sedang Dijalankan



Sesi Pengujian Dan Pentauliahan
Oleh JKR

c) Kerja-Kerja Lift Modernization Serta Lain-lain Kerja Berkaitan di Rumah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tempoh Kontrak	: 9 Bulan
Tarikh Siap	: 29 Mac 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan	: 29 Mac 2018
Kontraktor	: Titi Maju Sdn. Bhd.
Kos Kontrak	: RM 510,920.00
Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional Dalam

Pencapaian :
Projek siap secara 7 in 1 lengkap dengan *coffee table book*:

- *Certificate of Practical Completion*
- *Statement of Final Account*
- *As-Built Drawings*
- Penjimatan tenaga
- Penjimatan sebanyak RM 10,424.04
- Siap awal 1 hari
- *Certificate Of Fitness* untuk lif siap awal sebelum serahan

Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:

Kerja-Kerja Modernization Dua (2) Unit Lif di Rumah Persekutuan Kuala Lumpur adalah susulan daripada penyesyoran yang telah dibuat oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Ibu Pejabat JKR (CKM IPJKR) kepada pihak pelanggan. Hasil pemeriksaan yang telah dijalankan pada tahun 2016 mendapati sistem lif tersebut telah melebihi jangka hayat Piawaian JKR dan kesukaran atau ketiadaan alat ganti di pasaran.

Dengan siapnya projek ini, kakitangan kerajaan serta orang awam yang berurusan di bangunan tersebut dapat menikmati kemudahan lif yang lebih selesa dan selamat. Sebelum kerja modernization dijalankan, lif yang berusia lebih 20 tahun kerap mengalami kerosakan sehingga operasi dan urusan di bangunan sering terganggu.

Kelebihan projek:

Pelaksanaan projek ini mengambilkira pematuhan kepada keperluan terkini oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan piawaian lif yang terkini.

Dari aspek keselamatan, sistem lif dilengkapi dengan peralatan keselamatan tambahan, iaitu *Emergency Battery Operated Power Supply (EBOPS)*, *full height door sensor* dan *car door locking device*.

Sistem lif ini juga dilengkapi dengan ciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), seperti *voice synthesizer*, *handrail*, panel kawalan lif khas bagi OKU, butang tulisan braille dan kemasan dinding *mirror etched finished*.

Selain itu, sistem lif ini juga turut dipasang dengan kemasan yang kontemporari dan berkualiti tinggi. Kemasan dalam adalah dari jenis *mirror etched finished*. Manakala, lantainya menggunakan *granite tile*. Gabungan ini berjaya memberikan imej korporat serta menyerlahkan lagi penampilan jabatan kerajaan di bangunan tersebut tanpa perlu mengeluarkan kos yang tinggi.

Elemen kecekapan tenaga turut diterapkan melalui penggunaan *auto shut off fan and lighting while idling*, lampu cekap tenaga dari jenis LED, *lift controller* terkini serta pintar. Ini menyumbang kepada penjimatan elektrik di bangunan tersebut.



*Lift Controller Baru Yang Telah Siap
Dipasang Di Dalam Bilik Motor Lif*



*Traction Motor Yang Telah Siap Dibaik
Pulih Semula Di Bilik Motor Lif*



Kemasan Lif Yang Berkualiti Tinggi



*Simbolik Penyerahan Kunci Oleh Pengarah
Kanan Kepada Pengarah Pejabat Tanah Dan
Galian WP Kuala Lumpur*

d) Kerja-Kerja Penggantian Dua (2) Unit Lif dan Lain-Lain Kerja Berkaitan di Blok 213, Flat Sentul Utama, Kuala Lumpur.

Tempoh Kontrak : 10 bulan
Tarikh Siap : 27 Februari 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan : 28 Februari 2018
Kontraktor : Fuji DNDT Sdn. Bhd.
Kos Kontrak : RM 880,860.00
Kaedah Pelaksanaan : Konvensional Dalam
Pencapaian :
Projek siap secara 5 in 1 lengkap dengan *coffee table book*:

- *Certificate of Practical Completion*
- *Statement of Final Account*
- *Operation and Maintenance Manual*
- Penjimatan tenaga
- Penjimatan kos sebanyak RM 25,000.10

Faedah/kepentingan projek kepada rakyat:

Kerja-kerja penggantian dua (2) unit lif di Flat Sentul Utama, Kuala Lumpur adalah salah satu daripada empat projek penggantian lif bawah program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Projek ini adalah susulan pengesyoran oleh Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Ibu Pejabat JKR (CKM IPJKR) hasil pemeriksaan yang telah dijalankan pada tahun 2016.

Bagi Program TP1M, pihak kerajaan akan menanggung sepenuhnya kos penggantian lif yang telah usang di kediaman milik swasta bawah kategori kos rendah dan sederhana. Dengan siapnya projek ini, penduduk akan dapat menikmati kemudahan lif yang lebih selesa dan selamat. Keselamatan penduduk juga lebih terjamin kerana pemasangan lif ini dilengkapi dengan sistem *Closed-Circuit Television (CCTV)* di dalam lif dan di kawasan lobi. Sebelum ini, penduduk mengalami kesulitan, di mana hanya satu lif sahaja yang beroperasi di blok tersebut.

Lif yang beroperasi juga dalam keadaan uzur, tidak selamat untuk digunakan serta kerap mengalami kerosakan.

Kelebihan projek:

Pelaksanaan projek ini mengambil kira pematuhan kepada keperluan terkini JKKP dan *Factories and Machinery Act, 1967*.

Dari aspek keselamatan, sistem lif dilengkapi dengan peralatan keselamatan tambahan, iaitu *Emergency Battery Operated Power Supply (EBOPS)*, *Automatic Rescue Device (ARD)*, *full height door sensor* dan *car door locking device*.

Sistem lif yang dipasang mengambil kira elemen cekap tenaga, seperti *high efficiency motor (permanent magnet motor)*, *auto shut off fan and lighting while idling*, *compact fluorescent lighting* dan *microprocessor controller*. Ia juga dipasang dengan butang kawalan di bahagian lobi jenis *Landing Operation Panel (LOP)* yang mana mempunyai fungsi 4 in 1 iaitu *hall call buton*, penunjuk arah pergerakan lif, penunjuk kedudukan semasa lif dan status lif (*maintenance, fire alarm, dll.*) Kebiasaannya *hall call button* dan paparan untuk penunjuk lif dipasang berasingan menyebabkan lebih tenaga elektrik dan pendawaian diperlukan. Kesemua ciri tersebut menyumbang kepada penjimatan elektrik.

Sistem lif ini juga dilengkapi dengan ciri mesra Orang Kelainan Upaya (OKU), seperti *voice synthesizer, handrail, panel kawalan lif khas bagi OKU* dan butang tulisan braille.

Selain itu, sistem lif ini juga turut dilengkapi dengan sistem CCTV di dalam lif dan di lobi setiap aras. CCTV boleh dipantau terus dari pejabat pengurusan bangunan.



vi. Pembangunan Kompetensi

Bil.	Aktiviti	Gambar Aktiviti
1.	Tajuk Program: Latihan Kompetensi Sistem Eskalator Tarikh : 31 Julai 2018	 Taklimat Daripada <i>Competent Person</i> Berkenaan Sistem Eskalator  Latihan <i>Hands-On</i> Bagi Sistem Eskalator
2.	Tajuk Program: Kursus Sistem Lif Tarikh : 2 Julai 2018	 Pegawai Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM) IPJKR Yang Hadir  Taklimat Ciri Keselamatan Sistem Lif Oleh <i>Competent Person</i>

3. **Tajuk Program:**

*Kursus Introductory
Of Pump Basic
Operation, Vsd
Operation & Design*

Tarikh : 20
September 2018



Pembentangan Yang Diberikan Oleh Wakil Ebara Pumps Tentang
Pump Theory And Variable Speed Drive Operation



Pembentangan Tentang *Submersible Pump*



Sesi Lawatan Kilang Dan Warehouse

vii. Aktiviti-aktiviti Lain:

1. Kunjungan Jalinan Mesra Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Ibu Pejabat JKR Ke Pejabat Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia

Tujuan

- (i) Membincangkan hubungan kerjasama antara JKR dan JKKP
- (ii) Membincangkan isu bilateral yang melibatkan JKR dan JKKP

Pencapaian/ Output

1. Program Persijilan Pakar Lif JKR

JKKP secara prinsip bersetuju dan sedia berkolaborasi dengan JKR untuk menjayakan program ini.

2. MyKKP

Mesyuarat bersetuju agar senarai jentera JKR yang tidak dapat dikenalpasti lokasi/statusnya diserahkan kepada JKKP untuk tindakan lanjut.

3. Pendaftaran Tapak Bina

Mesyuarat bersetuju pendaftaran tapak bina adalah wajib bagi sebarang kerja binaan kejuruteraan, seperti mana yang ditetapkan oleh Seksyen 35, Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139).



Sesi Penyerahan Cenderahati D daripada Pengurusan CKM IPJKR Kepada Pengurusan JKKP



Barisan Delegasi JKKP Yang Turut Menghadiri Perbincangan Ini



Delegasi CKM IPJKR Yang Berkunjung Ke Pejabat JKKP Di Putrajaya

2. Sesi Dialog Bersama Kontraktor Lif

Tujuan

- (i) Membincangkan isu/ masalah yang sering dihadapi semasa pelaksanaan projek lif
- (ii) Mendapatkan maklumbalas kontraktor lif berhubung isu/ masalah yang dibangkitkan.
- (iii) Membincangkan langkah penambahbaikan dan way forward dalam pelaksanaan projek lif.

Pencapaian/Output

1. Kontraktor lebih memahami kehendak dan keperluan JKR bagi projek lif daripada tiga pembentangan yang dibuat, iaitu:

- i) Pengurusan Projek
- ii) Kualiti Pembinaan
- iii) *Enviroment, Safety And Health*.

2. Pelbagai cadangan penambahbaikan telah diutarakan oleh pihak kontraktor untuk pertimbangan JKR seperti:

- i) Tempoh masa yang bersesuaian bagi mendapat maklumat daripada pembekal dengan mengambil kira cuti umum dalam dan luar negara.
- ii) Skop kerja grouting di landing door dimasukkan dalam skop kontraktor lif.
- iii) Menyemak semula spesifikasi lif mengikut keperluan terkini.

3. Kontraktor menyokong penuh cadangan JKR untuk mengadakan seminar *Vertical Transportation*.



Ucapan Pembukaan Oleh Jurutera Mekanikal
Penguasa Kanan, Cik Noor'Ain Binti Zainal Abidin
Selaku Pengerusi Majlis



Pembentangan oleh Jurutera Mekanikal
Penguasa Ir. Mohd Naimie bin Mazid



Sesi Soal Jawab Bersama Kontraktor Lif

4.3.2 Bahagian Pakar Kecekapan Tenaga & Tenaga Diperbaharui

Pada tahun 2018, Bahagian Pakar Kecekapan Tenaga Dan Tenaga Diperbaharui telah melaksanakan 6 aktiviti utama seperti berikut :

Bil.	Aktiviti	Bilangan
i.	Khidmat Nasihat Teknikal	14
ii.	Dokumentasi Teknikal	6
iii.	Auditan Teknikal	1
iv.	Penyelidikan & Pembangunan Inovasi	5
v.	Pelaksanaan Projek Naik Taraf	0
vi.	Pembangunan Kompetensi	2

i. Khidmat Nasihat Teknikal/ Khidmat Kepakaran

Bil	Aktiviti	Gambar Pemeriksaan
1.	Tajuk : Program Penarafan Hijau JKR (pH JKR) di Bangunan JKR CKM Negeri Seluruh Malaysia Tarikh : 28 September 2018 Ringkasan pemeriksaan/ pengesyoran: i) Pelaksanaan Program pH adalah selaras Surat Arahan KPKR Bil.17/2015 (Pelaksanaan Skim Penarafan Bangunan Hijau di semua Projek JKR dalam Rancangan Malaysia ke-11). Bagi menyahut seruan Kerajaan tersebut, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal telah memulakan inisiatif untuk memastikan semua bangunan CKM JKR Negeri mencapai penarafan sekurang-kurangnya 2 Bintang bagi kategori bangunan sedia ada. ii) Mesyuarat Penyelarasan Bagi Pelaksanaan Program Penarafan Hijau (pH) di Bangunan JKR CKM Negeri telah diadakan pada 28 September 2018 yang lalu di Ibu Pejabat JKR, Kuala Lumpur. iii) Bahagian ini bercadang untuk menganugerahkan sijil penarafan kepada CKM JKR Negeri dalam Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia tahun 2019.	  Mesyuarat Penyelarasan Bagi Pelaksanaan Program Penarafan Hijau (pH) di Bangunan JKR CKM Negeri

ii. Dokumentasi Teknikal

1. Penerbitan Artikel KKR CASE STUDY: *Monitoring & Verifying Energy Performance For Chiller Retrofit Works* dalam Buletin BEM Vol.75, Edisi Julai Hingga September 2018
2. Penerbitan Dokumen *Guideline For Building Automation And Control System (BACS) Design*

Garis panduan ini dibangunkan sebagai dokumen rujukan untuk Jurutera Mekanikal dalam mereka bentuk sistem automasi & kawalan bangunan untuk bangunan baharu dan sedia ada, melibatkan sistem mekanikal seperti penyaman udara, pencegah kebakaran dan lif

iii. Auditan Teknikal

Bil	Aktiviti	Gambar Pemeriksaan
1.	Tajuk : Audit Tenaga Untuk Sistem Penyaman Udara di Balai Polis Presint 11, Putrajaya (23 - 24 Julai 2018) Hasil Auditan/ Pencapaian : Didapati sistem penyaman udara sedia ada tidak beroperasi pada tahap spesifikasi yang ditetapkan. Prestasi untuk <i>Air Cooled Split Ducted</i> adalah di bawah keperluan minimum dan tidak mematuhi nilai COP yang ditetapkan oleh MS1525:2014. Berikut merupakan pengesyoran yang dibuat: i) Tanpa Kos Mewujudkan Sistem Pengurusan Tenaga berdasarkan Garis Panduan Mewujudkan dan Melaksanakan Sistem Pengurusan Tenaga di Bangunan-Bangunan Kerajaan agar	 Pengukuran Co2, Temperature & Humidity Sedang Dijalankan

pengurusan tenaga elektrik dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan sistematik.

ii) Dengan kos

- a) Melaksanakan penyenggaraan berkala secara menyeluruh (comprehensive) ke atas semua peralatan sistem penyaman udara; atau
- b) Penggantian sistem penyaman udara sama ada dengan menggunakan reka bentuk sistem yang asal tetapi lebih cekap tenaga; atau
- c) Penggantian sistem penyaman udara asal kepada sistem penyaman udara jenis *Variable Refrigerant Flow* (VRF).



Power Logger Yang Digunakan Untuk Mengukur Penggunaan Tenaga Elektrik Peralatan Mekanikal



iv. Penyelidikan & Pembangunan Inovasi

Pembentangan Kertas Kerja

i) Kertas kerja oleh Ir. Dr. Abdul Murad bin Zainal Abidin, Ir. Dr. Norhayati binti Mat Wajid, Ir. Faiz bin Fadzil dan Ir. Mohd Yusof Aizad bin Mukhtar daripada Bahagian Pakar Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui bertajuk *JENOSYS : Application of a Web Based Online Energy Performance Reporting Tool for Government Building in Malaysia* telah diterima untuk pembentangan di persidangan ICEM 2018, 20th International Conference on Energy Management yang telah berlangsung di Paris, Perancis pada 29 hingga 30 Oktober 2018.



ii) Kertas kerja penyelidikan bertajuk *Thermochemical Energy Storage System (TESS)- Integrated With Solar Energy: A Case Study of A Building In Malaysia* oleh Ir. Dr. Abdul Murad bin Zainal Abidin, Ir. Dr. Norhayati binti Mat Wajid, Ir. Faiz bin Fadzil dan Ir. Mohd Yusof Aizad bin Mukhtar telah diterima untuk pembentangan di persidangan Sustainable Development and Planning 2018 Conference yang telah berlangsung di Sienna, Italy pada 4 hingga 6 September 2018.

v. Pelaksanaan Projek Naik taraf

Tiada projek naik taraf dijalankan pada tahun 2018.

vi. Pembangunan Kompetensi

Bil	Aktiviti	Gambar
	Tajuk Program: a) Kursus <i>Hands-On</i> Untuk Pam bertempat di Regaline Pumps Sdn. Bhd (<i>Alignment, Balancing, etc.</i>) di Shah Alam, Selangor Tarikh: 2 Mei 2018 b) Kursus <i>Hands-On and Familiarization and Testing of Energy Auditing Equipment</i> di CREaTE, Melaka Tarikh: 14 hingga 15 Mei 2018	  Peserta didedahkan dengan aktiviti <i>hands-on</i> semasa kursus

4.3.3 Bahagian Pakar Penyaman Udara & Perlindungan Risiko Kebakaran

Pada tahun 2018, Bahagian Pakar Penyaman Udara & Perlindungan Risiko Kebakaran telah melaksanakan 6 aktiviti utama seperti berikut :

Bil.	Aktiviti	Bilangan
i.	Khidmat Nasihat Teknikal	5
ii.	Dokumentasi Teknikal	2
iii.	Auditan Teknikal	6
iv.	Pelaksanaan Projek Naik Taraf	1
v.	Pembangunan Kompetensi	2
vi.	Aktiviti-aktiviti Lain	4

i. Khidmat Nasihat Teknikal/ Khidmat Kepakaran

Senarai khidmat nasihat teknikal / khidmat kepakaran berkaitan Penyaman Udara & Perlindungan Risiko Kebakaran adalah seperti berikut:

1. Pemeriksaan Sistem Pencegah Kebakaran di Blok F, JKR Ibu Pejabat;
2. Pemeriksaan Sistem Penyaman Udara di Balairong Seri Istana Negara; dan
3. Pemeriksaan Mengenalpasti Kerosakan Sistem Penyaman Udara di MQA, Cyberjaya.

Bil	Aktiviti	Gambar Pemeriksaan
1.	Tajuk : Pemeriksaan Sistem Pencegah Kebakaran di Blok F, JKR Ibu Pejabat. Tarikh: 19 Julai 2018 Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran: Khidmat nasihat teknikal dan penyediaan laporan kerosakan berserta anggaran kos pembaikan.	 Pemeriksaan Di Bilik Kawalan  Pemeriksaan Sistem Alarm Valve

2.	Tajuk : Pemeriksaan Sistem Penyaman Udara di Balairong Seri, Istana Negara Tarikh : 3 & 8 Oktober 2018 Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran: Memberi khidmat nasihat kepakaran teknikal dan pengesyoran penambahbaikan sistem bekalan udara sejuk bagi mencapai suhu 18°C di Balairong Seri, Istana Negara.	 Pemeriksaan Di Dalam Balairong Seri, Istana Negara
3.	Tajuk : Pemeriksaan Mengenalpasti Kerosakan Sistem Penyaman Udara di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Cyberjaya Tarikh : 3 & 17 Oktober 2018 Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran: i) Memberi khidmat nasihat kepakaran teknikal dan pengesyoran kerja-kerja pembaikan serta anggaran kos kerosakan <i>chiller</i> kepada pihak pelanggan.	 Bangunan Yang Menempatkan Air Cooled Chiller  Air Cooled Chiller Package Yang Diperiksa

4. Tajuk :

Pemeriksaan Dan Penyediaan Dokumen Tender Bagi Kerja – Kerja Pembaikan Sistem Penyaman Udara Berpusat Dan Sistem Pencegah Kebakaran Di INTAN, Sabah.

Tarikh : 30 Mac & 3 April 2018

Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran:

- i) Sistem Penyaman Udara berpusat dicadangkan untuk penggantian baharu.
- ii) Reka bentuk dan dokumen tender telah dikemukakan kepada pelanggan.
- iii) Memberi khidmat nasihat teknikal dan penyediaan dokumen tender kepada Pasukan Projek Khas JKR Sabah.



Sesi Bergambar Lawatan Pengarah Kanan CKM dan Pasukan *Head Of Design Team* (HODT)



Pemeriksaan Di Tapak



Design Review

5.	Tajuk : Pemeriksaan Sistem Penyaman Udara di Jabatan Kimia Cawangan Perak dan Cawangan Melaka. Tarikh : 1 September & 1 Oktober 2018 Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran: i) Sistem penyaman udara berpusat dicadangkan untuk penggantian baru. ii) Reka bentuk dan dokumen tender telah dikemukakan kepada pelanggan. iii) Memberi khidmat nasihat teknikal dan penyediaan dokumen tender kepada JKR Melaka Dan Perak	 Pemeriksaan Bersama Pengarah Khidmat Pakar ke Jabatan Kimia Perak
-----------	---	---

ii. Dokumentasi Teknikal

1. Semakan Dokumen *Standard Mechanical Design Detail Drawing For Mechanical System in Building Revision 2018*.
Dokumen ini merupakan terbitan edisi terbaru dengan memaparkan penambahbaikan lukisan-lukisan piawai perincian sedia ada dan baru untuk Sistem Penyaman Udara, Sistem Pencegah Kebakaran, Sistem Lif, Sistem Pekaipan Air Dalam dan Sanitari. Lukisan perincian piawai ini menjimatkan masa penyediaan dokumen tender dan juga sebagai rujukan bagi kerja-kerja pengawasan pemasangan sistem mekanikal di tapak bina.
2. Garis Panduan Reka Bentuk Sistem Semburan Air Automatik Jenis *Wet pipe (sprinkler)*.
Garis Panduan ini diterbitkan bertujuan memberi panduan rekabentuk terperinci kepada semua kakitangan mekanikal JKR amnya dan khususnya kepada pegawai baru Cawangan Kejuruteraan Mekanikal (CKM) terhadap sistem pencegah kebakaran jenis semburan air automatik *wet pipe (sprinkler)* disamping menjadi sumber rujukan menghasilkan rekabentuk yang cekap dan optimum serta mematuhi keperluan akta dan peraturan yang berkuatkuasa.

iii. Auditan Teknikal

Bil	Aktiviti	Gambar Pemeriksaan
1.	Tajuk : Pemeriksaan Kualiti Udara Dalam (IAQ) i. Blok F, JKR (27 hingga 30 Mac 2018) ii. CKM Ibu Pejabat (1 hingga 4 Jun 2018) iii. JKR Wilayah Persekutuan (12 Disember 2018) iv. Blok G, JKR (5 hingga 12 Oktober 2018) v. Ibu Pejabat JKR Selangor (12 Disember 2018) vi. Ibu Pejabat Penjara, Kajang (27 Disember 2018) Hasil Auditan / Pencapaian : a) Secara keseluruhan tahap kualiti udara di semua bangunan yang diperiksa berada dalam keadaan yang memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa parameter yang diperiksa tidak mematuhi Piawaian IAQ seperti suhu rendah di bawah 23 °C, pergerakan udara yang perlahan, bacaan CO₂ melebihi paras piawaian yang ditetapkan dan paras habuk melebihi paras yang dibenarkan. b) Hasil laporan yang telah disiapkan dikemukakan kepada pemilik bangunan masing-masing untuk tindakan lanjut.	

2.	Tajuk : Pemeriksaan Sistem Penyaman Udara di Balairong Seri, Istana Negara Tarikh : 3 & 8 Oktober 2018 Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran: Memberi khidmat nasihat kepakaran teknikal dan pengesyoran penambahbaikan sistem bekalan udara sejuk bagi mencapai suhu 18°C di Balairong Seri, Istana Negara.	 Pemeriksaan Di Dalam Balairong Seri, Istana Negara
3.	Tajuk : Pemeriksaan Mengenalpasti Kerosakan Sistem Penyaman Udara di Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Cyberjaya Tarikh : 3 & 17 Oktober 2018 Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran: i) Memberi khidmat nasihat kepakaran teknikal dan pengesyoran kerja-kerja pembaikan serta anggaran kos kerosakan <i>chiller</i> kepada pihak pelanggan.	 Bangunan Yang Menempatkan Air Cooled Chiller  Air Cooled Chiller Package Yang Diperiksa

iv. Penyelidikan & Pembangunan Inovasi

Tiada aktiviti dijalankan pada tahun 2018.

v. Pelaksanaan Projek Naik taraf

- a) Menaiktaraf Sistem Penyaman Udara Berpusat dan Lain-Lain Peralatan Berkaitan di Jabatan Kimia Ibu Pejabat Petaling Jaya

Tempoh Kontrak	: 6 bulan
Tarikh Siap	: 28 Oktober 2018
Tarikh Serah Kepada Pelanggan	: 12 November 2018
Kontraktor	: Misi Duta Mas Sdn. Bhd.
Kos Kontrak	: RM3,896,467.00
Kaedah Pelaksanaan	: Konvensional Dalam

Pencapaian :

- (i) Projek memenuhi kehendak pelanggan dan dapat dilaksanakan dengan kos projek yang minima.
- (ii) Reka bentuk sistem dan penjimatan tenaga yang lebih efisien.



Lawatan Tapak Oleh Pengarah Kanan



Penyerahan Kontrak Secara 2 Dalam 1



Lawatan Panel Anugerah Kontraktor Cemerlang



Majlis Penyerahan Projek 3 dalam 1

vi. Pembangunan Kompetensi Hands-On

Bil	Aktiviti	Gambar Aktiviti
a)	Tajuk Program : Kursus <i>Certified Personnel on Refrigerant Hydrocarbon</i> Tarikh : 16 hingga 18 Oktober 2018	i)  Peserta Kursus <i>Certified Personnel on Refrigerant Hydrocarbon</i> ii)  Sesi Penerangan oleh Tenaga Pengajar

Bil	Aktiviti	Gambar Aktiviti
b)	Tajuk Program : Kursus <i>Hands On Wiring & Testing Switchboard</i> Tarikh : 23 hingga 25 Oktober 2018	 Latihan/Pengujian dalam kumpulan
		 Latihan/Pengujian dalam kumpulan

vii. Aktiviti-aktiviti Lain :**1) Kunjungan Jalinan Mesra CKM ke TNB**

Mengeratkan hubungan dua hala antara agensi dan bertukar-tukar pandangan mengenai peraturan dan keperluan projek terutamanya isu berkaitan sistem pencegah kebakaran di bangunan Pencawang TNB.



Sesi Perbincangan Bersama Pihak TNB Dan JKR



Sesi Penyerahan Cenderahati Dari Pengarah Kanan
Kepada Pihak TNB

2) Kunjungan Jalinan Mesra CKM ke Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Putrajaya

Kunjungan ini bagi mengeratkan kerjasama CKM dan JBPM disamping bertukar-tukar fikiran mengenai peraturan dan keperluan perundangan berkaitan projek Bangunan Kerajaan terutamanya pemasangan sistem pencegah kebakaran aktif.



Sesi Penyerahan Cenderahati Dan Bergambar Antara Pihak JKR CKM Dan JBPM

3) Lawatan / Kursus di Kilang Sistem Penyaman Udara

Lawatan ke kilang pemasangan peralatan sistem penyaman udara DAIKIN, Sungai Buloh diadakan bagi mengeratkan hubungan dua hala antara kerajaan dan industri. Kerjasama ini dapat memelopori dalam bidang kajian dan penyelidikan serta usaha sama latihan bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran yang berkaitan.



Sesi Taklimat Oleh Pihak DAIKIN



Sesi Lawatan Kilang Dan Penerangan
Dari Pihak DAIKIN

4.3.4 Bahagian Pakar Forensik, Bunyi & Senggara

Pada tahun 2018, Bahagian Pakar Forensik, Bunyi dan Senggara telah melaksanakan 5 aktiviti utama seperti berikut:

Bil.	Aktiviti	Bilangan
i.	Khidmat Nasihat Teknikal	14
ii.	Dokumentasi Teknikal	3
iii.	Auditan Teknikal	1
iv.	Pelaksanaan Projek Naik Taraf	2
v.	Pembangunan Kompetensi	3

i. Khidmat Nasihat Teknikal/Auditan Teknikal

Senarai khidmat nasihat teknikal/ khidmat kepakaran berkaitan forensik, bunyi dan senggara yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Pemeriksaan Sistem Penyaman Udara Dan Fungus Di UMP Pekan, Pahang;
2. Pemeriksaan Kesan Bunyi Sistem *Air-Cooled Chiller* Di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur;
3. Pemeriksaan Kulat Di Klinik Kesihatan Taman Ehsan, Selangor;
4. Pemeriksaan Kulat Di Klinik Kesihatan Rawang, Selangor;
5. Pemeriksaan Sistem Mekanikal Di Kompleks Angkasapuri, Jabatan Penyiaran Malaysia;
6. Pemeriksaan Sistem Automasi Bangunan Di Bangunan Kementerian Kerja Raya;
7. Pemeriksaan Sistem Penyaman Udara Di Royal Wing, Istana Negara;
8. Pemeriksaan Sistem Penyaman Udara Dan Fungus Di Bangunan Fakulti Sains Gunaan UiTM, Kampus Tapah;
9. Masalah Sistem Penyaman Udara Di Bilik Server Di Bangunan PJD, Maju Junction & TIMA;
10. Semakan Dokumen Tender Pembaikan Aset Kritikal Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan Bagi Zon Selatan Dan Sarawak;
11. Semakan Dokumen Tender Pembaikan Aset Kritikal Bangunan Gunasama Kerajaan Persekutuan Bagi Zon Timur;
12. Pemeriksaan *Facility Condition Assesment* Di Kompleks Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur;
13. Pengauditan Keselamatan Kebakaran (*Fire Safety Audit*) Di Agensi Regulatori Farmasi Negara (ARFN) Di Petaling Jaya Selangor; dan
14. Pemeriksaan Sistem Penyaman Udara Di Pusat Data Bahagian Teknologi Maklumat Blok F, Tingkat 16.

Aktiviti khidmat nasihat teknikal/auditan teknikal yang dilaksanakan adalah seperti berikut antaranya adalah:

Bil.	Aktiviti	Gambar Pemeriksaan
1.	Tajuk: Khidmat Nasihat Kepakaran Teknikal Berkaitan Masalah Pencemaran Kulat Di Bangunan Fakulti Sains Gunaan UiTM Kampus Tapah Tarikh: 27 Jun sehingga 29 Jun 2018 Ringkasan Pemeriksaan/ Pengesyoran: Hasil pemeriksaan menunjukkan kulat berlaku disebabkan oleh nilai RH yang tinggi akibat daripada sistem penyaman udara yang tidak berfungsi dengan baik dan <i>excessive infiltration</i> serta udara lembap yang melalui <i>building envelope</i> yang tidak baik. Antara cadangan penambahbaikan yang diberikan kepada pelanggan: - Suhu bilik ditetapkan pada 22°C - 23 °C bagi mengurangkan kelembapan udara semasa sistem penyaman udara sedang beroperasi; dan - Ruang-ruang yang terbuka ke luar bangunan perlu ditutup.	 Masalah Kulat Di Perabot  Masalah Kulat Di Pintu Masuk  Pintu Makmal Yang Dibiarkan Terbuka Dan Membenarkan Penyusupan Udara Luar

2.

Tajuk:

Pemeriksaan dan Pengukuran Kesan Bunyi Sistem *Air Cooled Chiller* (ACC) di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur

Tarikh:

10hb Januari 2018

Ringkasan Pemeriksaan/Pengesyoran:

Hasil daripada pemeriksaan mendapati kesan bunyi sistem ACC yang diterima di kejiranan di sekitar Bukit Kiara adalah melebihi tahap bunyi yang dibenarkan dengan *tonal noise* dari operasi sistem ACC didapati mengganggu keselesaan pendengaran manusia (*annoyance noise*).

Oleh yang demikian langkah penamatan bunyi adalah perlu bagi mengurangkan kesan bunyi di kejiranan Bukit Kiara.



Pengukuran Data Bunyi Bersebelahan Sistem *Air Cooled Chiller*



Pengukuran Data Bunyi Di Sempadan Pusat Sains Negara Dan Kawasan Perumahan



Pengukuran Data Bunyi Di Kawasan Perumahan

3.	Tajuk: Masalah Kulat Di Klinik Kesihatan Rawang Perdana, Rawang Selangor Tarikh: 13 Februari 2018 dan 6 Mac 2018 Ringkasan Pemeriksaan/Pengesyoran: Hasil pemeriksaan mendapati bahawa masalah kulat adalah berpunca daripada kelemahan <i>building envelope</i> dan juga kelemahan amalan penyelenggaraan dan pengoperasian pengguna. Antara cadangan penambahbaikan yang diberikan kepada pelanggan adalah: - Penyelenggaraan sistem penyaman udara perlu dibuat terutamanya pada komponen sistem penyaman - udara yang telah rosak; dan - Menambahbaik <i>building envelope</i> dengan menutup sepenuhnya ruang-ruang terbuka yang memberi kesan kepada prestasi sistem penyaman udara.	 Terdapat <i>Louvre</i> Di Pintu Yang Memisahkan Ruang Berhawa Dingin Dan Tidak Berhawa Dingin 
		Dinding Yang Memisahkan Ruang Berhawa Dingin Dengan Tidak Berhawa Dingin Tidak Dibina Sehingga <i>Upper Floor Slab</i>

4.

Tajuk:

Masalah Kondensasi di Aras Utiliti
Royal Wing, Istana Negara.

Tarikh:

29 November 2018

Ringkasan Pemeriksaan/Pengesyoran:

Hasil pemeriksaan mendapati bahawa masalah kondensasi berpunca daripada penebatan sesalur udara bekal dan udara balik yang tidak dilakukan dengan sempurna serta pembinaan ruang AHU yang terbuka.

Cadangan - cadangan penambahbaikan yang diberikan kepada pelanggan adalah:

- a. Penebatan terhadap sesalur udara bekal (*supply duct*) dan sesalur udara balik (*return duct*) perlu dibuat semula terhadap semua sesalur udara di aras utiliti; dan
- b. Penambahbaikan terhadap bilik AHU sedia ada perlu dilaksanakan dengan memastikan bilik yang menempatkan AHU adalah tertutup dan kedap udara.



Takungan Air Di Ruang AHU



Kondensasi Di Sesalur Udara



Sesalur Udara Yang Tidak Ditebat

ii. Dokumentasi Teknikal

Sebanyak tiga dokumentasi teknikal berjaya dihasilkan iaitu:

1. Kompilasi Ringkasan Kes-Kes Forensik Perkhidmatan Mekanikal Dalam Bangunan 2016 (April 2018)

2. Kompilasi Ringkasan Kes-Kes Forensik Perkhidmatan Mekanikal Dalam Bangunan 2017 (November 2018)
Dokumen ini diterbitkan sebagai panduan dan rujukan serta contoh pengajaran dalam merekabentuk, memasang, menyenggara dan pengendalian sistem mekanikal di dalam bangunan. Ia mengandungi punca dan cadangan penyelesaian kepada pelbagai isu berkaitan sistem mekanikal.

3. Garis Panduan Anggaran Harga Sistem Mekanikal Dalam Bangunan 2018 (Disember 2018)

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pegawai dalam menyediakan anggaran harga di peringkat pelaksanaan projek disamping menyeragamkan anggaran harga jabatan dan mengurangkan jurang perbezaan harga tender/sebutharga yang ketara. Ia mengandungi kadar harga bagi pelbagai komponen untuk semua sistem mekanikal.

iii. Auditan Teknikal

Bahagian Pakar Forensik, Bunyi dan Senggara telah diminta oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk turut serta dalam program Audit Keselamatan Kebakaran bagi Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia terhadap bangunan yang berusia melebihi 50 tahun.

Bil.	Aktiviti	Gambar Pemeriksaan
1.	Tajuk : Audit Keselamatan Kebakaran di <i>Agensi Regulatori Farmasi Negara (ARFN)</i> bagi Fasiliti Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia Tarikh : 3 Januari 2018 Hasil Auditan: Pemeriksaan telah dibuat bersama Pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta pihak Konsesi Fasiliti Radicare. Hasil pengauditan di <i>Agensi Regulatori Farmasi Negara (ARFN)</i> mendapati sistem pencegah kebakaran perlu ditambah baik bagi memastikan keseluruhan sistem berfungsi dengan sempurna.	 Sub Fire Alarm Yang Telah Duji Dan Berfungsi Dengan Baik  Fire Hose Assembly Untuk Sistem Dry Riser Yang Lama Perlu Duji Bagi Membolehkan Sistem Berfungsi Dengan Baik  Sistem Pam untuk Hydrant berfungsi dengan baik

iv. Penyelidikan & Pembangunan Inovasi

Tiada

v. Pelaksanaan Projek Naik taraf

Bagi tahun 2018, terdapat 2 projek naik taraf yang masih dalam pembinaan iaitu:

- a) Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penggantian Sistem Penyaman Udara Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Hospital Serdang; dan
- b) Kerja-Kerja Penggantian Sistem Penyaman Udara Jenis *Variable Refrigerant Flow* (VRF) Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur.

vi. Pembangunan Kompetensi

Sebanyak tiga aktiviti telah berjaya dianjurkan dalam mempertingkatkan kompetensi pegawai CKM.

Bil.	Aktiviti	Gambar Aktiviti
1.	Tajuk Program: <i>Hands-On Sistem Pemantauan Senggaraan Bersepadu (SPSB)</i> Tarikh : 13 hingga 14 Mac 2018	 Sesi Pembelajaran Sedang Berlangsung
2.	Tajuk Program: <i>Hands-On VRV/ VRF System Trouble Shooting</i> Tarikh : 7 Ogos 2018	 Peserta Sedang Menguji <i>Outdoor Unit VRV</i>

3.

Tajuk Program:

*Hands-On / Training Air
Conditioning Variable Refrigerant
Volume System*

Tarikh : 16 Ogos 2018



Taklimat Daripada Penceramah Berkenaan Sistem
VRV



Sesi Mengambil Bacaan Kandungan Refrigerant

vii. Aktiviti-aktiviti Lain

1. Program Pembaikan Aset Kritikal (PAK) Bangunan Gunasama Persekutuan
Program Pembaikan Aset Kritikal (PAK) merupakan sebahagian daripada pakej aktiviti dalam kontrak Konsesi Pengurusan dan Penyenggaraan Komprehensif Bangunan Gunasama Persekutuan (Kerajaan Persekutuan) di seluruh Malaysia.

Pengarah Kanan Cawangan Kejuruteraan Mekanikal telah dilantik sebagai Pegawai Yang Diberi Kuasa (*Authorised Officer*) untuk membuat kerja-kerja pemantauan dan memberi khidmat nasihat teknikal. Tujuan pemantauan adalah bagi memastikan kerja-kerja yang dilaksana oleh pihak konsesi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Maklumat Kontrak/ Konsesi Bagi Program Pembaikan Aset Kritikal (PAK) Di Bangunan
Gunasama Kerajaan Persekutuan

BIL	ZON	NAMA KONSESI	BIL. BGN. GUNASAMA	BIL. KESELURUHAN PROJEK DAN KOS (RM)	BIL. KERJA MEKANIKAL DAN KOS (RM)	CATITAN
1	Selatan Dan Sarawak	Ambang Wira Sdn. Bhd.	8 Bil. Dan 28 Bil.	96 Bil. 115,853,876.00	48 Bil. 61,504,173.00	Kontrak : 01/01/2016 – 31/12/2025 Termasuk Dua Tahun Secara Interim
2	Timur	Building Lindungan Sdn. Bhd.	11 Bil.	40 Bil. 34,543,333.30	8 Bil. 8,534,342.73	Kontrak : 01/04/2016 – 31/03/2026 Termasuk Dua Tahun Secara Interim
3	Utara	Thp Utara Facilities Sdn. Bhd	16 Bil.	70 Bil. 105,781,899.36	25 Bil. 55,014,105.37	Kontrak : 01/12/2018 – 15/03/2028
4	Sabah Dan W.P Labuan	Kombinasi Saudagar Sdn. Bhd.	10 Bil.	47 Bil. 70,176,750.89	12 Bil. 33,479,047.98	Kontrak : 01/10/2018 – 15/03/2028
5	Tengah	Chulia Facilities Management Sdn. Bhd.	6 Bil.			Kontrak : 01/09/2017 – 31/08/2022 Tidak Men Cadangkan Program Pembaikan
	Jumlah		79 Bil.	(253 Bil.) 432,137,758.80	(93 Bil.) 158,531,669.10	

2. Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) dan Dokumen Kontrak bagi projek Kerja-kerja Pembaikan Dan Penggantian Sistem Penyaman Udara Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Hospital Serdang, Selangor telah diadakan pada 28 Februari 2018 bertempat di Menara KKR2. Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Kerja Raya.
3. Majlis penyerahan Surat setuju Terima (SST) dan Dokumen Kontrak bagi projek Kerja-Kerja Penggantian Sistem Penyaman Udara VRF (*Variable Refrigerant Flow*) Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur telah diadakan pada 22 November 2018 bertempat di Menara KKR2. Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar).



Majlis Penyerahan SST dan
Dokumen Kontrak



4.4

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN
KUARI DAN PENGURUSAN ASET****i. Peruntukan MHPV Tahun 2018**

Kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan kenderaan milik persekutuan di Jabatan Kerja Raya (JKR) yang dikenali sebagai Penyenggaraan Jentera Berat dan Kenderaan atau *Maintenance Of Heavy Plants and Vehicles* (MHPV) adalah merupakan antara skop kerja utama JKR Woksyop Persekutuan dan JKR Woksyop Negeri.

Berdasarkan rekod kenderaan dalam Sistem Pengurusan Rekod Kenderaan (SPaRK) sehingga Disember 2018, JKR Malaysia mempunyai sebanyak 3,991 buah kenderaan termasuk jentera berat yang telah ditempatkan di pejabat-pejabat JKR di seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,691 buah kenderaan merupakan milik persekutuan dan yang selebihnya berjumlah 2,300 buah adalah milik negeri.


Daripada data Sistem Pengurusan Aset (SPA) JKR, sebanyak 1,432 bilangan kenderaan telah melebihi jangka hayat mengikut pelbagai kategori (Pekelilig Perbendaharaan WP 4.1 Lampiran E1, Pengurusan Kenderaan Kerajaan). Bagaimanapun disebabkan peruntukan terhad kenderaan-kenderaan ini masih digunakan dan diselenggara.

Berikut adalah kedudukan jumlah pemilikan kenderaan dan jentera JKR:



Kedudukan Pemilikan Kenderaan JKR Tahun 2018 Berdasarkan Sistem Pengurusan
Rekod Kenderaan (SPaRK)


Pada tahun 2018, jumlah peruntukan MHPV yang telah diterima oleh CKM adalah sebanyak RM1,835,250.00 iaitu untuk OSOL 26000 (Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-bahan Untuk Penyelenggaraan & Pembaikan) dan RM8,546,525.00 untuk OSOL 28000 (Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Di Beli). Perincian peruntukan dan jumlah agihan kepada semua JKR CKM Negeri adalah seperti berikut :




Agihan Peruntukan OSOL 26000 Dan OSOL 28000 Mengikut Negeri Tahun 2018

NEGERI	Peruntukan RM		Jumlah Peruntukan
	26000	28000	
Kedah		1,550,000.00	1,550,000.00
Selangor	270,000.00	960,000.00	1,230,000.00
Pahang	310,000.00	750,000.00	1,060,000.00
Woksyop Persekutuan		1,200,000.00	1,200,000.00
Perak		1,000,000.00	1,000,000.00
Negeri Sembilan	180,000.00	490,000.00	770,000.00
Johor	290,000.00	400,000.00	690,000.00
Terengganu	140,000.00	540,000.00	680,000.00
Melaka	150,000.00	430,000.00	580,000.00
Pulau Pinang	140,000.00	400,000.00	540,000.00
Kelantan	240,000.00	240,000.00	480,000.00
Perlis	50,000.00	420,000.00	470,000.00
W.P Labuan	80,000.00	150,000.00	230,000.00
Jumlah	1,850,000.00	8,530,000.00	10,380,000.00

Berikut adalah prestasi perbelanjaan OSOL 26000 dan OSOL 28000 mengikut JKR Woksyop seluruh Malaysia.



Prestasi Perbelanjaan OSOL 26000 Mengikut Negeri Tahun 2018



Prestasi Perbelanjaan OSOL 28000 Mengikut Negeri Tahun 2018

Secara Keseluruhannya,

NEGERI	Jumlah Peruntukan	Perbelanjaan	Baki	% Perbelanjaan
OSOL 26000	RM1,835,250.00	RM1,811,808.28	RM23,441.72	98.72%
OSOL 28000	RM8,546,525.00	RM8,517,554.83	RM28,970.17	99.66%

Bagi memastikan semua JKR CKM Negeri membuat perbelanjaan MHPV mengikut perancangan dan peraturan semasa kerajaan, CKM IPJKR telah melaksanakan pemeriksaan perbelanjaan MHPV di woksyp – woksyp CKM yang terpilih.

Secara keseluruhannya, semua JKR CKM Negeri telah mencapai prestasi yang baik bagi perbelanjaan peruntukan MHPV tahun 2018. Prestasi keseluruhan bagi semua JKR CKM Negeri untuk OSOL 26000 adalah 98.72 % dan OSOL 28000 adalah 99.66 %.

Pemantauan Saman Kenderaan – Kenderaan JKR

Secara keseluruhannya, jumlah saman tertunggak kenderaan jabatan JKR daripada tahun 1999 sehingga 14/7/2017 berjumlah 2521 telah berjaya diselesaikan merujuk kepada jadual yang disertakan.

BIL	CAWANGAN/NEGERI	JUMLAH SAMAN 7/1/1999 SEHINGGA 14/7/2017	SAMAN SELESAI	PERATUS SAMAN SELESAI	TARIKH JANGKAAN SIAP
1	JUMLAH SAMAN JKR IBU PEJABAT	893	893	100%	
1	CAWANGAN ALAM SEKITAR DAN KECEKAPAN TENAGA	5	5	100%	SELESAI
2	CAWANGAN ARKITEK	23	23	100%	SELESAI
3	CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT	51	51	100%	SELESAI
4	CAWANGAN KEJURUTERAAN CERUN	62	62	100%	SELESAI
5	CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR	1	1	100%	SELESAI
6	CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK	31	31	100%	SELESAI
7	CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK	23	23	100%	SELESAI
8	CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN	78	78	100%	SELESAI
9	CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL	33	33	100%	SELESAI
10	CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 1	10	10	100%	SELESAI
11	CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 2	7	7	100%	SELESAI
12	CAWANGAN KERJA KESELAMATAN	15	15	100%	SELESAI
13	CAWANGAN KERJA KESIHATAN	19	19	100%	SELESAI
14	CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN	53	53	100%	SELESAI
15	CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN	10	10	100%	SELESAI
16	PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI (CRE&TE)	5	5	100%	SELESAI
17	JKR WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	7	7	100%	SELESAI
18	JKR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	66	66	100%	SELESAI
19	JKR WOKSYOP PERSEKUTUAN	104	104	100%	SELESAI
20	CAWANGAN SENGGARA FASILITI BANGUNAN	101	101	100%	SELESAI
21	CAWANGAN JALAN	91	91	100%	SELESAI
22	CAWANGAN SENGGARA FASILITI JALAN	98	98	100%	SELESAI
23	CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU	0	0	-	-
2	JUMLAH SAMAN NEGERI	1628	1628	100%	
1	JKR JOHOR	247	247	100%	SELESAI
2	JKR KELANTAN	120	120	100%	SELESAI
3	JKR MELAKA	65	65	100%	SELESAI
4	JKR NEGERI SEMBILAN	84	84	100%	SELESAI
5	JKR PERLIS	75	75	100%	SELESAI
6	JKR PULAU PINANG	80	80	100%	SELESAI
7	JKR SELANGOR	39	39	100%	SELESAI
8	JKR TEREANGGANU	119	119	100%	SELESAI
9	JKR WOKSYOP PERSEKUTUAN LABUAN	11	11	100%	SELESAI
10	JKR KESEDAR	61	61	100%	SELESAI
11	JKR PERAK	287	287	100%	SELESAI
12	JKR PAHANG	215	215	100%	SELESAI
13	JKR KEDAH	225	225	100%	SELESAI
	JUMLAH KESELURUHAN	2521	2521	100%	

Bagi saman bertarikh 15/7/17 sehingga 31/12/18 sebanyak 43% saman telah diselesaikan iaitu daripada 100 jumlah keseluruhan saman. Jadual adalah seperti dilampirkan.

BIL	CAWANGAN/NEGERI	JUMLAH SAMAN 15/7/2017 SEHINGGA 31/12/2018	BILANGAN SAMAN SELESAI	PERATUS SAMAN SELESAI	CATATAN
1.	JUMLAH SAMAN JKR IBU PEJABAT	38	10	27 %	
1	CAWANGAN ALAM SEKITAR DAN KECEKAPAN TENAGA	2	2	100%	
2	CAWANGAN ARKITEK				TIADA SAMAN
3	CAWANGAN DASAR DAN PENGURUSAN KORPORAT				TIADA SAMAN
4	CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM DAN STRUKTUR	1	1	100 %	
5	CAWANGAN KEJURUTERAAN CERUN				TIADA SAMAN
6	CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK	15	4	27 %	
7	CAWANGAN KEJURUTERAAN GEOTEKNIK				TIADA SAMAN
8	CAWANGAN KEJURUTERAAN INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN	1	0	0 %	
9	CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (IBU PEJ. KL)	6	3	50 %	
10	CKM WOKSYOP PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	3	0	0%	
11	CAWANGAN JALAN	2	0	0 %	
12	CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 1				TIADA SAMAN
13	CAWANGAN KERJA BANGUNAN AM 2				TIADA SAMAN
14	CAWANGAN KERJA KESELAMATAN	2	0	0 %	
15	CAWANGAN KERJA KESIHATAN				TIADA SAMAN
16	CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN	1	0	0 %	
17	CAWANGAN KONTRAK DAN UKUR BAHAN				TIADA SAMAN
18	PUSAT KECAMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI (CREaTE)				TIADA SAMAN
19	CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU	2	0	0 %	
20	CAWANGAN SENGARA FASILITI BANGUNAN	2	0	0 %	
21	CAWANGAN SENGARA FASILITI JALAN				TIADA SAMAN
22	JKR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	1	0	0 %	
23	JKR WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA				TIADA SAMAN
